



Hujung Minggu

فليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.44 | SUBUH 4.54 | SYURUK 6.17 | DUHA 6.40 | ZUHUR 12.28 | ASAR 3.49 | MAGHRIB 6.37 | ISYAK 7.50 Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 90

29 JULAI 2023 / 1445 11 محرم

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

MANISNYA IMAN مانیسش ایمان  
"DAN sesungguhnya Hari Kiamat itu tetap datang, tidak ada keraguan padanya dan bahawa sesungguhnya Allah akan membangkitkan (menghidupkan semula) orang-orang yang di dalam kubur (untuk dihisab)".  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Hajj, ayat 7.



دولت کبawah دوالي قانون قايتيق  
Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

77  
Tahun

## KEBERANGKATAN RAJA DIKASIHI SERIKAN PERMATA HIJAU



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama para peserta yang menjayakan Persembahan Khas pada Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong, yang diadakan di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar. - Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 2 hingga 5).

## Perutusan tahniah sempena Hari Keputeraan Raja Thailand

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 28 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaohachayuhua, Raja Thailand sempena dengan Hari Keputeraan baginda yang Ke-71 Tahun.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaohachayuhua, Raja Thailand.



## Berita Utama



MASJID Kampung Salambigar bakal punyai bangunan tambahan

Muka 11




100 anak ABDB terima anugerah cemerlang

Muka 15



UTB, MC meterai MoU rapatkan kerjasama

Muka 18



RENCANA

TANGGUNGJAWAB bersama lestarikan alam sekitar

Muka 27

# Keberangkatan raja dikasihi serikan Permata Hijau



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani Lembaran Keberangkatan.

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Muhammad Khalid Doughty

**TEMBURONG**, Khamis, 27 Julai. - Jelas terpancar keriangan pada setiap wajah rakyat dan penduduk di daerah ini ketika menantikan keberangkatan raja yang dikasihi

ke Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan bergambar ramai bersama Pegawai Daerah Temburong dan keluarga di Kediaman Rasmi beliau.

Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 bagi Daerah Temburong. Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di HeliPad Pekan Bangar dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang

Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengurus Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang Ke-77.

>> Muka 3

## WAKTU SEMBAHYANG

JULAI MASIHI	HARI	MUHARAM HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	AŞAR	MAGHRIB	İSYAK
29	SABTU	11	4.44	4.54	6.17	6.40	12.28	3.49	6.37	7.50
30	AHAD	12	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.49	6.37	7.50
31	ISNIN	13	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.49	6.37	7.50
1 OGOS	SELASA	14	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.49	6.37	7.50
2	RABU	15	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.48	6.36	7.49
3	KHAMIS	16	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.48	6.36	7.49
4	JUMAAT	17	4.46	4.56	6.17	6.40	12.28	3.47	6.36	7.49

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI



SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
34 26 °C	34 26 °C	33 26 °C
Pekan Bangar		
34 26 °C	33 26 °C	33 26 °C
Pekan Tutong		
34 26 °C	33 26 °C	33 26 °C
Kuala Belait		
33 26 °C	34 26 °C	33 26 °C
Wallahu alam Bissawab	<a href="http://www.met.gov.bn">www.met.gov.bn</a>	
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

## SIDANG PENGARANG

29 JULAI 2023

### Manfaat ilmu dan kemahiran insaniah dalam mencari pekerjaan

**A**NTARA isu semasa yang sedang dihadapi para belia pada masa kini adalah isu susah mencari pekerjaan. Apabila para belia merasakan bahawa mencari pekerjaan yang sesuai itu semakin mencabar akan timbul persoalan-persoalan dalam diri mereka yang mencerminkan jatuhnya keyakinan diri mereka, perasaan kecawa, marah dengan keadaan, tekanan jiwa dan emosi yang boleh melarat kepada mereka mempersoalkan kebolehan mereka ataupun kejayaan-kejayaan yang telah diperoleh yang sebelum ini diharapkan akan dapat membantu dalam mencari pekerjaan seperti kejayaan tamat kursus, kejayaan memperoleh sijil diploma atau ijazah dan sebagainya.

Sebagai manusia, sememangnya perasaan-perasaan sedih, marah tidak akan dapat dielak dan tidak menjadi kehairanan apabila kita gagal mendapat sesuatu diingini sedikit sebanyak ia akan mempunyai kesan terhadap keadaan emosi dan mental kita. Adalah penting untuk kita sentiasa ingat untuk tidak berputus asa dan juga untuk sentiasa kuat semangat dan tidak terlalu melayan perasaan-perasaan negatif dalam diri apabila kita tidak berjaya memperoleh apa yang kita ingini itu.

Dalam kita meneruskan usaha untuk mencari pekerjaan, janganlah kita pernah menganggap apa-apa ilmu yang pernah ditimba sebelum ini adalah sia-sia terutama sekali para-para lepasan diploma, ijazah atau apa sahaja kelulusan pengajian tinggi. Jangan pernah berfikir sijil diploma atau ijazah yang telah diperoleh itu tidak lagi bernilai hanya semata-mata si pemiliknya gagal mencari pekerjaan. Ingatlah, sewaktu kita menimba ilmu, kita bukan sahaja mempelajari ilmu dari buku atau dari guru dan pensyarah tetapi kita juga sedang memahirkan diri dalam berkomunikasi, mengatur masa, kemampuan dalam mengerjakan dua atau lebih pekerjaan secara sekali gus untuk menyiapkan projek dan lain-lain lagi kemahiran insaniah.

Bagaimana memanfaatkan ilmu dan kemahiran yang ada dalam keadaan susah mencari kerja? Pertama sekali, selain dari terus menghantar pemohonan untuk mengisi jawatan-jawatan kosong yang diiklankan dalam akhbar tempatan atau media sosial, beranikan diri untuk mengikuti bengkel-bengkel keusahawanan atau apa sahaja bengkel yang boleh menambah baik kemahiran kita yang sedia ada atau menambah lagi pengetahuan dan kepandaian kita. Selain itu, rajin-rajinlah mengikuti majlis-majlis ilmu atau apa sahaja perjumpaan yang terbuka untuk orang awam di mana kita boleh memperkenalkan diri kita dan memperluaskan jaringan sosial profesional. Apabila kita mempunyai jaringan profesional yang baik kita membuka peluang untuk diri kita dan kemungkinan kita akan mendapat cadangan pekerjaan dari kenalan-kenalan yang kita ada. - Ketua Penyuntingan (Nr)



**KEBAWAH DULI YANG MAAH MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS RAMAH MESRA BERSAMA RAKYAT DAN PENDUDUK DI DAERAH TEMBURONG.** Berangkat sama, paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen serta paduka adinda baginda.

#### >> Muka 2

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendera

Seri Maharaja Permaisuar Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Sejurus berangkat tiba, baginda dijunjung berangkat ke Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Temburong sebelum meneruskan keberangkatan ke Pentas Diraja di kawasan Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar.

Para penuntut sekolah beratur di sepanjang tepi jalan raya sambil mengibarkan Bendera-bendera Kecil Negara Brunei Darussalam dengan diikuti puluhan hadrah bagi

sama-sama mengalu-alukan keberangkatan baginda serta kerabat diraja.

Sejurus berangkat tiba di Pentas Diraja, Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan.

Kebawah DYMM serta kerabat diraja kemudiannya dijunjung bagi menyaksikan

Persembahan Khas bertemakan 'Raja Untuk Rakyat dan Rakyat Untuk Raja' yang berkoncepkon Serumpun Berbudaya, Sejalin Berbangsa, Memartabat Raja dengan melibatkan seramai 277 peserta persembahan.

Pada akhir persembahan, Kebawah DYMM berserta kerabat

diraja dijunjung berangkat ke Pentas Persembahan Khas untuk sesi bergambar ramai bersama para peserta dan seterusnya dijunjung berangkat bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong.

#### >> Muka 4



**KEBAWAH DULI YANG MAAH MULIA DAN PADUKA-PADUKA ANAKANDA BAGINDA BERKENAN BERAMAH MESRA BERSAMA BERSAMA RAKYAT DAN PENDUDUK DI DAERAH TEMBURONG (ATAS, ATAS KANAN DAN BAWAH KANAN).** Sementara gambar bawah, murid-murid yang ikut serta mengibarkan Bendera Kecil Negara Brunei Darussalam bagi mengalu-alukan keberangkatan baginda dan kerabat diraja ke Daerah Temburong.





TURUT menjadi tumpuan Kebawah DYMM semasa bercemar duli tersebut ialah Tikar Mengkuang Terpanjang berukuran 77 kaki 1 inci, dianyam selama lebih kurang dua bulan oleh empat belia daerah berkenaan dan telah direkodkan ke dalam The Brunei Book of Record sebagai salah satu tikar terpanjang di negara ini (atas), manakala gambar kanan, keberangkatan baginda pada Majlis Ramah Mesra tersebut.

#### >> Muka 3

Berangkat mengiringi Kebawah DYMM ialah paduka-paduka anakanda baginda, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan Kebawah DYMM bercemar duli ini tidak dilepaskan begitu sahaja oleh pelbagai lapisan masyarakat di

daerah ini, di mana ia merupakan peluang keemasan bagi mereka untuk menjunjung ziarah raja yang berjiwa rakyat dan penuh pemeludian.

Turut menjadi tumpuan baginda semasa bercemar duli tersebut ialah Tikar Mengkuang Terpanjang berukuran 77 kaki 1 inci, dianyam selama lebih kurang dua bulan oleh empat belia daerah berkenaan dan telah direkodkan ke dalam The Brunei Book of Record sebagai salah satu tikar terpanjang di negara ini.

Menurut Awang Mohammad Afnan bin Haji Gapor selaku Penyelaras menjelaskan Tikar Mengkuang dipilih berdasarkan konsep Persembahan Khas, iaitu Serumpun Berbudaya, Sejalin Berbangsa kerana ianya terhasil daripada jalinan daun yang mencerminkan betapa eratnya masyarakat di Daerah Temburong dan penggunaan tikar itu oleh berbilang bangsa yang melambangkan rumpun bangsa negara yang masih utuh bersatu.

#### >> Muka 5



PADA Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Temburong, orang ramai tidak melepaskan peluang untuk bertemu dan beramah mesra bersama raja yang dikasihi (atas dan bawah).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama paduka anakanda baginda ketika dijunjung untuk bergambar ramai bersama para peserta pameran yang terdiri daripada syarikat dan lapisan masyarakat di Daerah Temburong (atas).



KECERIAAN Kebawah DYMM ketika berkenan bercemar duli bersama rakyat dan penduduk baginda di Permata Hijau bersempena dengan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-77 Tahun (kanan).





**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia berserta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat pada Majlis Santap Tengah Hari bagi sama-sama meraikan Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Temburong bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang Ke-77, Tahun 2023 di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar (atas dan atas kanan).

#### >> Muka 4

Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong ini juga melibatkan rakyat dan penduduk dari beberapa mukim di daerah berkenaan, iaitu Mukim Labu; Batu Apoi; Bangar; Amo dan Bokok.

Turut menyertai perhimpunan tersebut ialah Badan-badan Persatuan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) di daerah

berkenaan antaranya dari Persatuan Kegiatan Warga Emas (PKWE); Persatuan Veteran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Cawangan Temburong (PERWIRA); Persatuan Anggota Polis Diraja Brunei Yang Bersara (POLSARA); Persatuan PERTIWI Daerah Temburong; Persatuan Saudara-Saudara Baru Temburong (PESAT); dan Persatuan Lun Bawang Murut Brunei.

Selain itu, TUNAS (Bank Islam Brunei Darussalam); Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei; ABDB; Alumni Program Khidmat Bakti Negara (PKBN); Pengawasan Kejiranan; Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid; dan beberapa syarikat agensi pelancongan seperti Anthony Tours & Travel Agency Sdn. Bhd. dan Freme Travel Services Sdn. Bhd. juga turut menyertai perhimpunan di Majlis Ramah Mesra tersebut.

Sebelum berangkat balik, baginda berserta kerabat diraja

dijunjung berangkat ke Majlis Santap di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar, di mana Kebawah DYMM berkenan memotong Kek Hari Keputeraan yang disembahkan khas sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-77 Tahun.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Pengiran Dr. Haji Badaruddin bin Pengiran Abd. Rahman.

Sebelum berangkat meninggalkan Dewan Utama, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah daripada ahli-ahli jawatankuasa tertinggi dan jemputan-jemputan khas.

Terus berkembang pesat dengan pembangunan, Daerah Temburong yang mempunyai lebih 10 ribu orang penduduk di lima buah mukim itu kaya dengan flora dan fauna menjadikannya daerah ini mempunyai reputasi tinggi dalam sektor destinasi pelancongan di negara ini.



**KEBAWAH** DYMM berkenan memotong kek yang disembahkan khas sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda (atas kiri), manakala gambar atas, baginda berkenan beramah mesra bersama para jemputan yang hadir pada majlis tersebut. Sementara gambar bawah kiri, baginda berkenan dijunjung untuk bergambar ramai, manakala gambar bawah, bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Pengiran Dr. Haji Badaruddin bin Pengiran Abd. Rahman.



## PERSEMBAHAN KHAS PERMATA HIJAU MENGGAMBARKAN KEMURNIAN, KEPELBAGAIAN BUDAYA



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Muhammad Khalid Doughty

**TEMBURONG**, Khamis, 27 Julai. - Bumi Permata Hijau mengetengahkan persembahan yang bertemakan 'Raja Untuk Rakyat dan Rakyat Untuk Raja' dengan konsep 'Serumpun Berbudaya, Sejalin Berbangsa, Memartabat Raja' di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah DYMM, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen serta Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran

Persembahan Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77, Tahun 2023 juga turut disaksikan paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah DYMM, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan menyaksikan Persembahan Khas semasa berangkat bercemar duli bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Temburong (atas dan kiri).

Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen serta Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda

Haji Sufri Bolkiah.

Selain itu, Persembahan Khas juga meliputi tiga segmen corak persembahan bagi menyerikan lagi majlis yang berlangsung di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangard di sini didahului dengan segmen pertama yang berkoncepkon Serumpun Budaya.

>> Muka 7



PERSEMBAHAN Khas bertemakan 'Raja Untuk Rakyat dan Rakyat Untuk Raja' membawakan konsep 'Serumpun Berbudaya, Sejalin Berbangsa, Memartabat Raja' melibatkan pembabitan pelbagai lapisan masyarakat di Daerah Temburong (atas, atas kiri, bawah kiri dan bawah kanan).





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda berkenan bergambar ramai bersama para peserta yang menjayakan Persembahan Khas.**

## >> Muka 6

Persembahan gerak laku dan tarian yang menggambarkan kemurnian dan kepelbagaiannya budaya yang menjadi identiti keunikan dan keindahan rumpun masyarakat di Daerah Temburong.

Manakala, segmen kedua dalam konsep Sejalin Berbangsa yang disertai seramai 100 penyertaan menampilkan persembahan gerak laku dan tarian yang menjadi warisan budaya di Daerah Temburong yang menjadi sandaran berbangsa dengan mengekalkan

falsafah Melayu Islam Beraja sebagai landasan yang menyatupadukan masyarakat pelbagai etnik di daerah ini.

Sementara persembahan *finale*, iaitu segmen ketiga dengan konsep memartabatkan raja yang dipersembahkan keseluruhan seramai 277 peserta dalam kemuncak Persembahan Khas oleh gabungan puak Melayu Brunei, Melayu Kedayan, Murut, Iban dan Cina yang menggambarkan kesatuan dan kesejahteraan bermasyarakat dan berbudaya dalam sama-sama mendukung kedaulatan raja dan negara.

Keceriaan dan kesepadan

persembahan gerak laku dan tarian yang menggambarkan kegembiraan dan keindahan sambutan perayaan bagi Daerah Temburong.

'Raja Untuk Rakyat dan Rakyat Untuk Raja' menghuraikan hubungan raja dengan rakyat yang saling mendukung. Raja yang prihatin dan pemedulian, berterusan mengurniakan pelbagai kemudahan dan sokongan untuk rakyat demi pembangunan dan kemajuan

negara dan rakyat menjunjung segala kurnia berkenaan dengan penuh syukur dan sentiasa siap siaga melaksanakan perancangan pembangunan negara.

Gerak laku dan tarian yang menggambarkan perpaduan, keharmonian dan keutuhan jalinan Mahabbah antara raja dan rakyat jelata.

Gerak laku dan tarian berkenaan yang dipersembahkan oleh gabungan pelbagai etnik di

Daerah Temburong itu menggambarkan kepelbagaiannya budaya dan tradisi yang dapat memastabatkan dan mempertahankan kedaulatan raja dan negara serta perpaduan bangsa.

Persembahan dimeriahkan oleh lima etnik di daerah berkenaan, iaitu masyarakat Melayu Brunei; masyarakat Melayu Kedayan; masyarakat Melayu Murut; Masyarakat Iban; dan Masyarakat Cina.



**PERSEMBAHAN** Khas memeriahkan lagi Majlis Ramah Mesra bersama Rakyat dan Penduduk bagi Daerah Temburong (atas, atas kanan dan bawah kanan). Sementara gambar bawah, orang ramai daripada pelbagai lapisan masyarakat juga tidak melepaskan peluang dalam sama-sama mengalu-alukan keberangkatan baginda serta kerabat diraja ke Daerah Temburong.



# 110 PENERIMA DIKURNIAKAN BINTANG-BINTANG KEBESARAN



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi  
Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas,  
Muhammad Khalid Doughty

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 26 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar

'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei

Darussalam kepada 110 penerima sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77, Tahun 2023.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; dan Duli Yang Teramat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada 110 penerima sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-77, Tahun 2023. Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda (atas dan atas kiri).

Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen; dan Duli Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Pengurniaan bintang-bintang tersebut berlangsung petang tadi di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman.

>> Muka 9



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada para penerima (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).





**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengurnikan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada para penerima (atas kiri dan atas kanan).

#### >> Muka 8

Majlis Pengurniaan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam dihadului dengan pengurniaan Darjah Seri Paduka Mahkota

Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (S.M.B) kepada 14 penerima.

Majlis disusuli dengan pengurniaan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Keempat (P.S.B) kepada 93 penerima.

Sementara itu, seramai tiga orang dikurniakan Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Kelima (P.U.B) terdiri daripada Pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Juga berangkat dan hadir dalam majlis itu ialah Yang Amat Mulia

Pengiran-pengiran Menteri-menteri Timbalan-timbalan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Pengiran-pengiran Peranakan serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Cheteria, Kabinet, Menteri,



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan (atas), manakala gambar bawah kiri, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan. Sementara gambar bawah kanan dan bawah tengah, antara kerabat diraja dan para jemputan yang hadir pada majlis tersebut.



# BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 27 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Dr. Thongloun Sisoulith dan Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Dr. Sonexay Siphandone sempena dengan Ulang Tahun Ke-30 Penubuhan Hubungan Diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Demokratik Rakyat Lao.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Dr. Thongloun Sisoulith dan Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Dr. Sonexay Siphandone.

**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar ketika berangkat menyaksikan kenaikan pangkat anakanda Yang Teramat Mulia.**

**GADONG**, Rabu, 26 Julai. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menaikkan pangkat, Penolong Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris ke Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis (SAC) dan seterusnya ditetapkan dalam jawatan sebagai Pengarah Jabatan Pentadbiran Am dan Kewangan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), yang berkuat kuasa bermula pada 26 Julai 2023.

Majlis yang diadakan di Dewan Bankuet Mes, Kompleks Ibu Pejabat PPDB itu telah dihadiri oleh Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali selaku tetamu kehormat bersama Pengiran Datin.

Turut berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri

## Majlis Kenaikan Pangkat Pegawai PPDB



**Siaran Akhbar dan Foto :  
Pasukan Polis Diraja Brunei**

Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar untuk menyaksikan kenaikan pangkat anakanda.

Juga hadir ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin bersama Datin, pengarah-pengarah jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan ahli keluarga pegawai yang diraikan.

Majlis kemudiannya diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Surau Polis Gadong.



**MAJLIS Kenaikan Pangkat, Penolong Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris ke Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis (SAC) dan seterusnya ditetapkan dalam jawatan sebagai Pengarah Jabatan Pentadbiran Am dan Kewangan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).**

## Mewujudkan kesinambungan hubungan rapat antara dua negara



**BERAKAS**, Khamis, 27 Julai. - Hubungan antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura terjalin dengan baik sejak 1950-an lagi oleh para pemimpin kedua-dua negara sebelum ini, dan diperkuuh lagi oleh kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sangat memahami dan menghargai ikatan persahabatan yang sedia ada antara kedua-dua buah negara.

Oleh sebab itu, pada era-era dari dahulu hingga sekarang, ia berkembang menjadi era kerjasama yang saling menguntungkan bagi kedua-dua pihak.

Berucap pada sesi perbincangan bersama para

peserta 30th Senior Management Programme (SMP), Republik Singapura bertempat di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan kementerian berkenaan.

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman turut menekankan bahawa Program Pengurusan Kanan yang para peserta sedang ikuti berkenaan merupakan manifestasi hasrat yang murni.

>> Muka 16



PARA peserta Senior Management Programme dari Republik Singapura mengadakan sesi perbincangan bersama Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

# MASJID KAMPUNG SALAMBIGAR BAKAL PUNYAI BANGUNAN TAMBAHAN



MAJLIS Doa Selamat dan disertakan dengan mendirikan tiang seri bangunan tambahan berkenaan disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan (kanan dan atas).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**SALAMBIGAR**, Jumaat, 28 Julai. - Masjid Kampung Salambigar akan mempunyai bangunan tambahannya yang djangka siap pembinaannya lebih kurang dalam 12 bulan ini nanti.

Sehubungan itu, Majlis Doa Selamat dan disertakan dengan mendirikan tiang seri bangunan tambahan berkenaan disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan menuang simen di tapak

tiang seri tersebut di mana projek berkenaan telah memulakan kerja-kerja pembinaannya.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid Kampung Salambigar, Awang Haji Abd. Halim bin Haji Bungsu yang juga selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pembinaan Bangunan Tambahan Masjid berkenaan.

Setelah bacaan Surah Al-Kahfi beramai-ramai, Pegawai Kegiatan Kerohanian di Jabatan Pendidikan



Kokurikulum, Awang Haji Sammalli bin Haji Adam dalam tazkirahnya menerangkan tentang kelebihan berinfak dan membuat pelaburan akhirat melalui pembinaan masjid. Apabila seseorang memberikan modal untuk membina masjid maka namanya sudah tersenarai di dalam Syurga.

Tazkirah bertajuk, 'Saham Akhirat Melalui Binaan Masjid' itu juga menyatakan bahawa apabila manusia itu mengakhiri kehidupan dunianya berpindah ke alam barzakh maka tidak ada peluang baginya untuk melakukan amalan-amalan kebajikan.

"Namun, jika sewaktu hidupnya pernah meninggalkan titipan berupa sumbangan untuk

pembinaan masjid maka jaminan Allah bahawa pahala akan terus menerus mengalir sehingga hari akhirat.

"Pembinaan masjid ini merupakan saham akhirat dengan modal walaupun sedikit tetapi mempunyai nilai yang tinggi malah telah tersedia rumahnya menanti di dalam Syurga," tambahnya lagi.

Adapun pembinaan bangunan tambahan itu nanti akan mampu menampung kapasiti keramaian lebih kurang 700 jemaah khususnya Sembahyang Fardu Jumaat dan juga Hari Raya.

Selain itu juga, dengan adanya bangunan itu akan dapat digunakan bagi kemudahan aktiviti yang dijalankan oleh Ahli

Jawatankuasa Takmir Masjid dan juga acara pernikahan memandangkan trend sekarang kebanyakan mempelai pengantin memilih masjid bagi melangsungkan pernikahan mereka.

Bangunan tambahan yang menelan kos perbelanjaan sebanyak BND770,300 merupakan hasil wakaf para dermawan termasuk orang ramai, jemaah dan syarikat melalui Tabung Derma bagi Pembinaan Bangunan Tambahan Masjid Kampung Salambigar itu juga dilengkapi dengan kemudahan lain antaranya Bilik Pengurusan Jenazah, Bilik Serbaguna, Ruang Wuduk dan tandas.

## JPMC anugerah biasiswa kepada 5 penerima



YANG Berhormat Menteri Kesihatan yang juga selaku Pengurus dan Pengarah Eksekutif JPMC hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penandatanganan bagi Program Biasiswa JPMC dalam 'Membina Tenaga Kerja Masa Depan dalam Penjagaan Kesihatan' (atas), manakala gambar atas kanan, Yang Berhormat semasa berucap pada majlis berkenaan.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Masri Osman

**JERUDONG**, Jumaat, 28 Julai. - Dalam menyokong bakat muda yang mengikuti pengajian kejururawatan dan memupuk generasi profesional penjagaan kesihatan masa depan, Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) menganugerahkan biasiswa kepada lima penerima yang akan didaftarkan di College of Health Sciences JPMC pada Ogos ini.

Dua penerima akan melanjutkan pengajian dalam Sijil Asas Sains

dan tiga penerima akan mengikuti Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kejururawatan.

Lima penerima terdiri daripada Dayang Nur Athirah Muti'ah binti Haji Hamdilah, Dayang Nuramirah Raihana binti Abdullah Md. Rozidi, Dayangku Nur Farahana Izzati binti Pengiran Suhanizen, Dayang Nurin Natasha Khairina binti Haji Hassan dan Dayang Nur Amanina Fikriah binti Sofian.

Sehubungan itu, Majlis

Penandatanganan bagi Program Biasiswa JPMC dalam 'Membina Tenaga Kerja Masa Depan dalam Penjagaan Kesihatan' berlangsung pagi tadi di Pantai Jerudong Specialist Centre, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar yang juga selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC.

Yang Berhormat dalam ucapannya menekankan, komitmen JPMC untuk

memperkasa belia negara dan melabur ke arah masa depan yang lebih cerah dalam penjagaan kesihatan dengan memberi kemudahan pembiayaan untuk pendidikan berterusan dan program pensijilan yang akan menjadi batu loncatan dalam pembangunan profesional mereka.

Selaras dengan Wawasan Brunei 2035 tambah Yang Berhormat, setelah berjaya menamatkan pengajian, para penerima akan memulakan kerjaya profesional mereka dengan

JPMC.

"Matlamat kami bukan sahaja untuk menangani permintaan yang semakin meningkat dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan tetapi juga untuk memajukan pemimpin penjagaan kesihatan yang akan memikul tanggungjawab dengan berinovasi serta meningkat dalam penyampaian penjagaan kesihatan," ujar Yang Berhormat lagi.

Acara tersebut menandakan permulaan perjalanan transformatif dalam pendidikan penjagaan kesihatan di JPMC serta melambangkan komitmen JPMC terhadap kecemerlangan dalam penjagaan dan pendidikan.

# RAPTAI PENUH MAJLIS RAMAH MESRA DAERAH BRUNEI DAN MUARA



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir untuk meninjau lebih dekat lagi persiapan-persiapan yang dilangsungkan pada raptai tersebut (atas kanan), manakala gambar atas, antara yang turut serta pada persembahan tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Julai. - Raptai penuh majlis keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan

Muara Negara Brunei Darussalam telah berlangsung pagi tadi di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Majlis tersebut adalah bersempena dengan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-77 Tahun.

Hadir untuk meninjau lebih dekat

lagi persiapan-persiapan yang dilangsungkan pada raptai tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengurus Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-77 Tahun.

Antara tinjauan yang dilaksanakan adalah tinjauan



Oleh : Nurhamiza Haji Roslan

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Najib Lubawi Mohammad Sufri

persediaan Persembahan Khas dan tinjauan lokasi sebelum acara kemuncak yang akan diadakan pada 30 Julai 2023 nanti.

Persembahan Khas tahun ini membawa tema 'Raja Untuk Rakyat dan Rakyat Untuk Raja'. Ahli-ahli kumpulan membuat persembahan terdiri daripada penuntut-penuntut dari sekolah-sekolah kerajaan dan juga swasta dari peringkat sekolah rendah hingga menengah dan juga

anggota-anggota dari agensi-agensi kerajaan dan swasta.

Turut hadir ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta Ahli Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-77 bagi Daerah Brunei dan Muara.

## MTIC semarakkan Sambutan llal Hijrah

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Najib Lubawi Mohammad Sufri



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa hadir pada Majlis Sambutan llal Hijrah 1445 Hijrah dan Doa Kesukuran Jemaah Haji bagi MTIC dan Jabatan-jabatan serta Agensi-agensi Pihak Berkusa di bawahnya bagi Tahun 1445H / 2023M (atas), manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

**CERAMAH** Khas disampaikan oleh Penolong Ketua Bahagian Penyebaran Da'wah (Ceramah) dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapha.

**BERAKAS**, Khamis, 27 Julai. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan Jabatan-jabatan serta Agensi-agensi Pihak Berkusa di bawahnya petang tadi mengadakan Majlis Sambutan llal Hijrah 1445 Hijrah dan Doa Kesukuran Jemaah Haji bagi MTIC dan Jabatan-jabatan serta Agensi-agensi Pihak Berkusa di bawahnya bagi Tahun 1445H / 2023M bertempat di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB).

Majlis tersebut dikelolakan oleh Pusat Kebangsaan e-Kerajaan. Hadir di majlis tersebut ialah

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan diteruskan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Ugama Terpelihara, Negara Sejahtera' yang disampaikan oleh Penolong Ketua Bahagian Penyebaran Da'wah (Ceramah) dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapha.

Majlis seterusnya diikuti dengan Dikir Asraqal dan Doa Kesukuran bagi kepuungan jemaah Haji warga MTIC dan Jabatan-jabatan serta Agensi-agensi Pihak Berkusa di bawahnya yang diketuai oleh Imam Surau LTAB,

Awang Ashraf bin Haji Bujang, sebelum diakhiri dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Majlis merupakan salah satu aktiviti tahunan keagamaan MTIC yang bertujuan untuk memperingati dan menyemarakkan Sambutan llal Hijrah dan meraikan kepuungan warga Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Jabatan-jabatan serta Agensi-agensi Pihak Berkusa di bawahnya yang telah selamat kembali ke tanah air daripada menunaikan fardu haji tahun ini.

Turut hadir ke majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), Ketua-ketua Esekutif, Ketua-ketua Jabatan,



Pengarah-pengarah Bahagian, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan

MTIC, jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkusa di bawahnya.

# DASAR PEMBANGUNAN ECCE DIBINCANGKAN



Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

JAKARTA, Rabu, 26 Julai. - Persidangan Meja Bulat Menteri mengenai Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Asia Tenggara telah berlangsung di Jakarta, Republik Indonesia.

Hadir ke persidangan tersebut hari ini ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datuk Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Dialog Dasar berkenaan yang bertemakan 'Transformasi Penjagaan dan Pendidikan

Awal Kanak-kanak di Asia Tenggara' telah diadakan berikut Kepengerusian Republik Indonesia dalam ASEAN pada tahun 2023, dan dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan, Kebudayaan, Penyelidikan, dan Teknologi, Republik Indonesia, dengan sokongan daripada Pusat Serantau SEAMEO bagi Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Keibubapaan, dan Sekretariat ASEAN.

Acara tersebut telah dirasmikan

YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir pada Persidangan Meja Bulat Menteri mengenai Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Asia Tenggara di Jakarta, Republik Indonesia.

oleh Menteri Pendidikan, Kebudayaan, Penyelidikan, dan Teknologi, Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Nadiem Anwar Makarim, yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (ECCE) yang berkualiti, untuk membincangkan dasar dan mengenal pasti tindakan yang perlu diambil, memupuk komitmen politik, dan menyediakan platform untuk berkongsi pengalaman dan amalan-amalan yang terbaik dalam melaksanakan program ECCE.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam ucapannya mengongsikan fokus utama Kementerian adalah kepada kajian semula dasar dan pembangunan dalam Pendidikan awal kanak-kanak (ECE), di samping mewujudkan kesedaran tentang faedah dan kepentingan ECE.

Selain daripada itu, kementerian ini juga sentiasa berusaha untuk mengkaji dan memperhalusi kurikulum prasekolah agar selari dengan piawaian antarabangsa

dan meningkatkan kualiti guru prasekolah.

Beliau seterusnya menekankan komitmen kementerian ini terhadap Wawasan Brunei 2035 dan mentransformasikan pendidikan untuk masa depan masyarakat serantau.

Persidangan Meja Bulat Menteri tersebut didahului oleh Persidangan Dialog Dasar Mengenai Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Asia Tenggara yang telah dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan,

Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin, pada 25 Julai 2023.

Pihak Kementerian Pendidikan turut berkesempatan untuk mengadakan mesyuarat dua hala bersama beberapa negara anggota ASEAN dan pertubuhan serantau bagi membincangkan perkara-perkara mengenai pengukuhan kerjasama dan program mengenai pendidikan dan aktiviti awal kanak-kanak. Turut menghadiri forum tersebut ialah pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan.

## Peluang sertai Anugerah Digital ASEAN 2024

Siaran Akbar : Pihak Berkua Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 26 Julai. - Pihak Berkua Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) menjemput perniagaan tempatan, organisasi swasta dan awam dengan produk dan perkhidmatan ICT mereka yang inovatif untuk menyertai Anugerah Digital ASEAN (ADA) 2024.

ADA 2024 sebelum ini dikenali sebagai Anugerah ICT ASEAN (AICTA) telah diadakan setiap tahun sejak tahun 2012 dan telah memberikan anugerah terhadap pencapaian ICT terbaik khususnya dalam kalangan usahawan di seluruh rantau ASEAN.

Pada tahun ini, ADA 2024 dihoskan oleh Singapura dan bertujuan untuk menjadi penanda aras kejayaan dalam inovasi dan kreativiti, menawarkan peluang perniagaan dan hubungan perdagangan, dan dengan itu, akan dapat meningkatkan lagi kekuatan ICT dan kesedaran masyarakat di peringkat tempatan dan antarabangsa. Ia juga berfungsi sebagai platform untuk mempromosikan produk digital ASEAN di peringkat global.

Pada tahun ini juga, anugerah tersebut turut mengiktiraf inovasi dalam enam kategori iaitu, Sektor Awam, Sektor Swasta, Keterangkuman Digital, Kandungan Digital, Digital Start-Up dan Inovasi Digital.

Bagi peserta yang berminat untuk menyertai adalah dikehendaki untuk menyerahkan butiran mereka dengan persembahan video produk tidak melebihi 300MB dan tidak lebih daripada 3 minit dalam format MP4, ke laman web ADA 2024 di [aseandigitalawards.com](http://aseandigitalawards.com). Penyerahan penyertaan akan diterima sehingga 28 Ogos 2023.

Tempoh penghakiman awal akan diadakan secara maya dari bulan September hingga Oktober 2023, diikuti dengan pengumuman finalis.

Majlis anugerah itu dijadualkan diadakan pada bulan Januari 2024 semasa Mesyuarat Menteri-menteri Digital ASEAN (ADGMIN) Ke-4 di Singapura. Untuk maklumat lanjut, sila e-mel AITI di [ict\\_industry@aiti.gov.bn](mailto:ict_industry@aiti.gov.bn) atau layari [aseandigitalawards.com](http://aseandigitalawards.com).

## Doa Kesukuran sempena Sambutan HBK Ke-18



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir pada Majlis Doa Kesukuran (Solat Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, bacaan Surah Yaa Siin, Bertahlil serta Doa Kesukuran) (atas), manakala gambar kanan, antara yang turut hadir pada majlis berkenaan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Azmah Haji Ahad

SERUSOP, Khamis, 27 Julai. - Sambutan Hari Belia Kebangsaan (HBK) menyasarkan untuk memartabatkan pergerakan belia dengan memperingati dan mengumpulkan para belia di negara ini dalam satu perhimpunan dengan kegiatan yang bermakna.

Pada tahun ini, Sambutan HBK Ke-18 dengan tema 'Belia Siaga Masa Depan' akan diadakan pada 1 Ogos 2023 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Bersama-sama dengan sambutan berkenaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan lewat petang tadi mengadakan Majlis Doa Kesukuran (Solat Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, bacaan Surah Yaa Siin, Bertahlil serta Doa Kesukuran) di Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Atur cara majlis dimulakan dengan Solat Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Masjid, Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop, Awang Mohamad Omar Afiq Hasyir bin Awang Haji Ismail, diikuti dengan Solat Hajat Berjemaah diimamkan oleh Awang Mohamad Omar Afiq Hasyir, dan disusuli dengan bacaan Surah Yaa Siin dipimpin oleh Awang Muhammad Rusydi@Arif bin Haji Ali / Haji Abd. Aziz manakala bacaan Tahli dibacakan oleh Awang Ahmad Hisyamuddin bin Haji Abdul Rahim khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan

Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; dan kaum Muslimin dan Muslimat yang telah kembali ke rahmatullah.

Majlis diteruskan lagi dengan Doa Kesukuran sempena Sambutan HBK Ke-18 bagi Tahun 2023 dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam serta Doa Menghindari Wabak COVID-19 pula dibacakan oleh Awang Mohamad Omar Afiq Hasyir.

Majlis diakhiri dengan Solat Fardu Isyak Berjemaah diimamkan oleh Pegawai Masjid, Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung



Serusop , Awang Haji Mohd Halidi bin Haji Juni.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HBK Ke-18, Tahun 2023.

Majlis juga turut dihadiri oleh ahli-ahli persatuan dan pergerakan belia dan sukan; pasukan-pasukan belia beruniform; institusi-institusi pengajian tinggi dan menengah,

belia-belia masjid; Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop dan para belia amnya bagi sama-sama memanjatkan doa dan sebagai tanda kesyukuran betapa beruntungnya belia di negara ini terus hidup dalam suasana aman dan bebas bergerak dengan sokongan kerajaan secara berterusan.

# PELUANG MENIKMATI MAKANAN, KULINARI THAILAND



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 28 Julai. - Para penggemar makanan dan kulinari Thailand berpeluang menikmati hidangan masakan Thailand sepanjang berlangsungnya Festival Makanan Amazing Thailand yang dianjurkan oleh Kedutaan Diraja Thailand dengan kerjasama Radisson Hotel Brunei yang bermula hari ini sehingga 5 Ogos 2023 depan.

Radisson Hotel akan menawarkan pelbagai sajian masakan Thailand termasuk pencuci mulut di restoran hotel berkenaan yang akan disediakan sendiri oleh cef yang didatangkan

husus dari Radisson Sukhumvit, Bangkok di sepanjang sembilan hari acara berlangsung.

Pelancaran Festival Makanan Amazing Thailand tersebut disempurnakan petang tadi oleh tetamu kehormat iaitu Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad bin Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bersama-sama Duta Besar Istremewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai, bertempat di Radisson Hotel.

Dalam ucapannya, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai berkata, kami mengenal pasti hebatnya kuasa makanan bagi diplomasi dan pertukaran budaya di mana makanan mempunyai keupayaan unik untuk melepas halangan dan memupuk hubungan.

Oleh kerana itu, tambah Puan Yang Terutama, kebanyakan orang akan melancong keluar negara bagi merasakan sendiri pelbagai jenis kulinari atau *jalan-jalan cari makan*, tetapi kali ini kita membawa cita rasa Thailand ke Negara Brunei Darussalam.

Bagi kerjasama istimewa ini tambah PYT, Radisson Hotel Brunei mendatangkan khas Cef



PELANCARAN Festival Makanan Amazing Thailand tersebut disempurnakan oleh tetamu kehormat, Yang Berhormat Peguam Negara bersama-sama Puan Yang Terutama Duta Besar Istremewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam (kiri), manakala gambar atas, Yang Berhormat Peguam Negara semasa menyaksikan sajian yang dihidangkan.

Phuthinan Anakhotngam dari Radisson Suites Bangkok Sukhumvit bagi menghidangkan menu istimewa yang menampilkan pelbagai jenis sajian Thailand.

"Pihak kedutaan kami telah mempromosikan masakan Thailand sebagai salah satu usaha diplomasi makanan ke arah meningkatkan persefahaman dan hubungan antara rakyat-ke-rakyat. Sebelum ini, kami telah menerbitkan Buku Panduan Restoran Thailand di Negara Brunei Darussalam dan dalam masa terdekat lagi akan melancarkan versi e-Book bagi kemudahan semua," ujar PYT.

Orang ramai bolehlah mengunjungi Radisson Hotel di ibu negara bagi menikmati pelbagai jenis sajian dan masakan Thailand semasa Festival Makanan Amazing Thailand iaitu dengan harga BND42 bagi dewasa dan BND21 bagi kanak-kanak (4-11 tahun), bermula jam 6.30 malam hingga 10.00 malam sahaja.

Bagi pemegang Kad Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) juga akan berpeluang menikmati diskaun sebanyak 10 peratus. Untuk tempahan, orang ramai boleh menghubungi Radisson Hotel melalui talian +673 2244272 atau +673 8310080 (teks).

## 4 adik-beradik bangsa Cina peluk Islam



Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 28 Julai. - Empat orang adik-beradik berbangsa Cina melafazkan dua kalimah syahadah pada Majlis Pengislaman yang diadakan di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Pulaie (atas), manakala gambar kiri, Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan isteri.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan Isteri.

Majlis Pengislaman dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha yang dibacakan oleh tetamu kehormat



EMPAT orang adik-beradik berbangsa Cina melafazkan dua kalimah syahadah pada Majlis Pengislaman yang diadakan di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Pulaie (atas), manakala gambar kiri, Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis.

majlis.

Acara kemudian dikuti dengan lafadz dua kalimah syahadah oleh Dayang Jessrina Tin Shiao Ying, berumur 27 tahun, yang memilih nama Islamnya sebagai Nur Qairina Khadijah binti Abdullah Tin yang seterusnya dikuti dengan Awang Jesseddie Tin Che Wen, berumur 23 tahun, yang memilih nama Islamnya sebagai Muhammad Eddy Faiq bin Abdullah Tin.

Seterusnya, Awang Jessdanny Tin Che Wan, berumur 20 tahun, yang memilih nama Islamnya sebagai Muhammad Danny Qashfy bin Abdullah Tin dan kemudiannya Awang Jessdanish Tin Che Wei, berumur 19 tahun, yang kini dikenali sebagai Muhammad Jessdanish Abdul Khaliq bin Abdullah Tin.

Majlis Pengislaman tersebut disempurnakan oleh para pegawai dan kakitangan dari Bahagian

Pengembangan Da'wah, PDI. Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada saudara-saudara baru disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis dan diselanjurkan dengan menabur bunga rampai dan Dikir Marhaban.

Mengikut statistik sejak awal tahun hingga Jun 2023, seramai 192 orang telah memeluk agama Islam, di mana 29 orang daripadanya adalah daripada bangsa Cina.

# 100 ANAK ABDB TERIMA ANUGERAH CEMERLANG



PEMERINTAH ABDB hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah berupa sijil, wang tunai dan hadiah kepada penerima (kiri dan atas).

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Rendah (PSR) pada tahun 2022.

Majlis penganugerahan berkenaan berlangsung di Dewan Auditorium, Akademi Pertahanan ABDB (AP ABDB), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah berupa sijil, wang tunai dan hadiah, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera dan Pemerintah

Angkatan Bersama ABDB, Pengarah-pengarah Tentera, para pegawai kanan, ibu bapa serta penjaga penerima anugerah.

Tujuan majlis berkenaan diadakan adalah untuk memberi penghargaan kepada anak-anak pegawai dan anggota ABDB yang memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang.

Selain itu, ia juga memberi dorongan kepada anak-anak di bawah bimbingan ibu bapa dan penjaga mereka, untuk bersaing dan mencapai prestasi cemerlang dalam peperiksaan.

**Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia**

Sila muat turun

**PenggunaBijak**

Smartphone

Available on the App Store and Google Play

TANAH JAMBU, Jumaat, 28 Julai.

- Seramai 100 orang anak-anak pegawai dan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang mencapai keputusan akademik yang cemerlang bagi tahun 2022 menerima anugerah kecemerlangan dan penghargaan pada hari ini.

Para penerima anugerah terdiri daripada pelajar yang menduduki peperiksaan GCE 'A' Level, GCE 'O' Level, Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB), Sijil Sekolah-sekolah Rendah Ugama (SSSRU) dan Penilaian Sekolah



NAIB Canselor UBD hadir selaku tetamu kehormat pada Tadabbur Al-Quran Perdana sempena Sambutan Ihal Hijrah 1445H / 2023M di masjid universiti berkenaan (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.



## Tadabbur Al-Quran Perdana sempena Sambutan Ihal Hijrah

TUNGKU, Jumaat, 28 Julai. - Penghayatan dan kisah di sebalik penghijrahan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah kisah besar yang sepatutnya diketahui oleh semua muslimin, kerana pelbagai macam peristiwa semasa hijrah menjadi pengajaran dan ikhtiar untuk diadaptasi dalam kehidupan seorang mukmin.

Sehubungan itu, Universiti Brunei Darussalam (UBD) pagi tadi mengadakan Tadabbur Al-Quran Perdana sempena Sambutan Ihal Hijrah 1445H / 2023M di masjid universiti berkenaan, anjuran Unit Kerohanian dan Khidmat Masyarakat (UKKM), Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa UBD (PMUBD).

Pada tahun ini, majlis memperingati Sambutan Ihal Hijrah

disemarakkan dengan Tadabbur Al-Quran Perdana dan Misi Berbagi.

Misi Berbagi adalah memberi peluang kepada warga UBD untuk turut bersedekah makanan kepada para pekerja buruh di UBD (*our unsung heroes*) melalui projek Misi Berbagi yang mana projek berkenaan akan dilaksanakan sekurang-kurangnya sebulan sekali.

Sehubungan itu, majlis terdahulu dimulakan dengan sesi Talaqqi Al-Quran bagi pelajar baharu kemasukan Ogos 2023 dan penyelaras kumpulan bagi Misi Berbagi yang dirasmikan oleh tetamu kehormat, Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Majlis juga turut diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Hijrah Satu Anugerah' yang disampaikan oleh penceramah undangan, Penolong Profesor, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Kamarussalam bin Yusof.

Ceramah antara lain bertujuan untuk mengongsikan ilmu dan memberi input bagi mengukuhkan dan memantapkan lagi pengetahuan dan menghayati penghijrahan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Selain itu, ia sebagai wadah pembentukan dan pembangunan insan syumul khususnya para pelajar UBD yang beragama Islam, kerana mereka adalah aset yang akan menerajui generasi akan datang.

Acara turut diselanjurkan dengan Majlis Berdiri bagi meraikan pelajar UBD, Andy Joshua Apollo yang memeluk agama Islam dan kini dikenali sebagai Junaid Al

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Alishahrin Haji Momin

Ghazali bin Muhammad Fadhillah dan seterusnya penyampaian cenderamata yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Bagi memohon keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'alaa atas berlangsungnya beberapa majlis yang diungkayahkan berkenaan, Doa Kesyukuran dan Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Ugama UKKM-HEP, UBD, Awang Haji Muhammad Dzulhilmi bin Haji Moharefandi.

Majlis turut dihadiri oleh para pegawai, pensyarah, orang awam, jemaah Takmir Masjid Universiti, serta mahasiswa dan mahasiswi universiti berkenaan.



CERAMAH Khas disampaikan oleh penceramah undangan, Penolong Profesor, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Kamarussalam bin Yusof.

## PENTAS PERAYAAN DISERIKAN DENGAN PERSEMBAHAN KEAGAMAAN

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 Julai. - Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) diamanahkan untuk mengendalikan Persembahan Bercorak Keagamaan sebagai wadah bagi menyatakan rasa kesyukuran dan kegembiraan rakyat sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77.

Acara yang mengambil tempat di Pentas Perayaan, Kawasan Lapang berhadapan Muzium Alat Kebesaran Diraja, di sini, dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat selaku Ketua Kampung Subok dan Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh selaku tetamu kehormat dan isteri.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat dibacakan oleh Awang



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Ketua Kampung Subok dan Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh hadir selaku tetamu kehormat pada Persembahan Bercorak Keagamaan (atas), manakala gambar bawah kiri, antara yang mengikuti persembahan.

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Haji Azulhanita bin Haji Tarip. Acara diteruskan lagi dengan persembahan Tausyeh daripada murid-murid Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi

Kalthum Al-Islam, Kampung Mulaut Kawasan Brunei IV, diikuti dengan sajak daripada pelajar-pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Seterusnya, persembahan Hadrah pula disampaikan oleh murid-murid Sekolah Ugama Perpindahan Lambak Kanan, Jalan 77, Kawasan Brunei IIA dan persembahan Kalam Jama'ie oleh pelajar-pelajar Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Rimba.

Majlis diakhiri dengan persembahan Tausyeh daripada guru-guru mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam (IRK).

Orang ramai yang hadir menyaksikan persembahan malam itu juga berpeluang menyertai Kuiz Interaktif yang diselang-selikan dengan setiap persembahan.



## Mewujudkan kesinambungan hubungan rapat antara dua negara

>> Muka 10

Maka tambah Yang Berhormat, dari semasa ke semasa NBD dan Republik Singapura akan memastikan kesinambungan berterusan hubungan mesra antara kedua-dua negara sentiasa dalam semangat yang murni sepetimana yang terjalin selama hampir 70 tahun.

Secara peribadi, Yang Berhormat percaya akan kepentingan dan keberkesanannya mewujudkan semangat menjamin kesinambungan hubungan rapat antara kedua-dua negara, bukan hanya hubungan di peringkat menteri dan peringkat para pegawai tinggi dalam suasana formal.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama juga turut menyatakan bahawa falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) merupakan model kenegaraan NBD dengan memfasifikasikan nilai sejarah dan budaya serta amalan terbaik agama Islam.

Acara diteruskan dengan sesi perbincangan yang dipengerusikan oleh Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD, Tuan Yang Terutama Heng Aik Yeow, yang antara lain memfokuskan mengenai pelbagai isu perkhidmatan ugama terutama daripada aspek dasar, pengurusan dan pentadbiran.

Di samping itu, sesi berkenaan juga memberi para peserta program lebih pemahaman mengenai pembangunan-pembangunan utama di negara ini, iaitu latar belakang dan konteks perhubungan yang istimewa antara NBD dan Republik Singapura serta menerokai pelbagai cara untuk mengekalkan dan mengukuhkan hubungan dua hala untuk jangka masa panjang.

Hadir sama pada perbincangan berkenaan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; dan juga Ahli-ahli Muzakarah KHEU.

Terdahulu acara dimulakan dengan sesi makan tengah hari Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama bersama para peserta 30th SMP, Republik Singapura di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan kementerian berkenaan.

Delegasi 30th SMP, Republik Singapura diketuai oleh Setiausaha Tetap (Pembangunan) Kementerian Pembangunan Negara dan Bahagian Perkhidmatan Awam, Republik Singapura, Puan Teoh Zsin Woon.

Delegasi sedang dalam rangka lawatan ke NBD selama tiga hari dari 25 hingga 27 Julai 2023.

Turut sama mengiringi delegasi ialah para pegawai daripada Suruhanjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD.



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penandatanganan Skim Biasiswa UTB's Scholars bagi seorang penerima yang akan melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) di United Kingdom iaitu Dayang Siti Nur Naqibah binti Reduan (atas dan kanan).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 Julai. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) mengadakan Majlis Penandatanganan Skim Biasiswa UTB's Scholars bagi seorang penerima yang akan melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) di United Kingdom.

Penerima skim berkenaan ialah Dayang Siti Nur Naqibah binti Reduan.

Hadir selaku tetamu kehormat

pada Majlis Penandatanganan yang berlangsung di Bangunan The Pearl, Fasa 2, UTB, di sini, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad. Turut hadir, Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman serta para pegawai utama, kakitangan UTB dan para jemputan.

Majlis Penandatanganan perjanjian antara Dayang Siti Nur

## Dayang Siti Nur Naqibah terima Skim Biasiswa UTB's Scholars



Naqibah, disaksikan oleh bapanya, Awang Reduan bin Haji Hussin dan Penolong Naib Canselor (Akademik), Dr. Dayang Hajah Ena Kartina binti Haji Abdul Rahman, disaksikan oleh Pendaftar dan Setiausaha UTB, Lim Chui Hua.

Dayang Siti Nur Naqibah merupakan seorang pelajar cemerlang, dipilih sebagai penerima skim dan diberi peluang untuk melanjutkan pengajian di peringkat kedoktoran dalam Civil and Environment Engineering di Imperial College London, di United Kingdom untuk tempoh empat

tahun.

Selepas berjaya menamatkan pengajian ijazah kedoktoran nanti, beliau akan dilantik sebagai Pensyarah di bidang Program Kejuruteraan Awam di UTB.

Skim berkenaan adalah anugerah cemerlang yang dianugerahkan kepada pelajar yang layak bagi meraikan pencapaian akademik mereka yang luar biasa, mempunyai watak yang terpuji, dan berpotensi dalam kepimpinan yang luar biasa.

Skim berprestij berkenaan

bertujuan untuk memperkasa dan menyokong pelajar yang bukan sahaja mencapai prestasi akademik tetapi atas dorongan semangat dalam memacu perubahan positif dan memberi impak yang besar kepada masyarakat.

Dengan penganugerahan biasiswa berkenaan, UTB berhasrat untuk memupuk generasi baharu serta pemimpin masa depan yang akan membentuk dunia melalui pengetahuan, inovasi dan dedikasi terhadap kemajuan masyarakat.



**B**ERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Sesungguhnya masa sangat berharga dan ia berlalu dengan begitu pantas tanpa kita sedari. Justeru, kita hendaklah menggunakan masa yang ada ini dengan sebaik-baiknya. Jika kita tidak memanfaatkan masa dengan sebaik-baiknya, nescaya ia akan menyebabkan kita benar-benar dalam kerugian.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda ada memperingatkan kepada umatnya agar merebut lima perkara sebelum datangnya lima perkara. Daripada Ibnu Abas Radiallahuanha ia berkata : "Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda kepada seorang lelaki dan Baginda

menasihatkannya" :

**Maksudnya** : "Rebutlah lima perkara sebelum kamu didatangi oleh lima perkara yang lain. Masa mudamu sebelum tuamu, masa sihatmu sebelum sakitmu, masa kayamu sebelum fakirmu, masa lapangmu sebelum kesibukanmu dan masa hidupmu sebelum matimu". (Hadis Riwayat Imam Hakim)

Kita semua hendaklah menghargai masa, memanfaatkannya dan tidak membiarkan masa itu berlalu dengan sia-sia. Sesungguhnya antara masa yang paling berharga itu ialah masa muda. Masa muda dan belia itu adalah masa keemasan yang mesti dimanfaatkan dengan sepenuhnya.

Oleh yang demikian, di era globalisasi ini adalah diingatkan kepada kita semua terutamanya para belia agar menghargai dan menggunakan usia dan masa mereka dengan sebaik-baiknya, kerana di usia muda inilah masa yang terbaik untuk membina jati diri, menghiasi dengan adab serta akhlak yang mulia dan yang paling utama ialah memantapkan diri dengan iman dan takwa.

Ini kerana tanpa iman dan takwa serta jati diri yang teguh dan mantap, para belia akan mudah dipengaruhi oleh anasir negatif dan gejala-gejala yang merosakkan jiwa, minda, akidah dan akhlak, contohnya seperti terlibat dengan penyalahgunaan dadah, pergaulan bebas, meminum minuman yang memabukkan dan bermacam-macam lagi masalah sosial yang bertentangan dengan nilai-nilai agama kita yang murni dan tatasusila budaya bangsa kita.

Sesungguhnya belia adalah aset yang amat berharga dan merupakan tonggak serta kekuatan masa depan bagi sebuah negara. Oleh itu, para belia perlu dididik dan diberikan bimbingan yang betul dan sempurna sehingga mereka menjadi generasi yang berilmu, beriman, bertakwa dan berakhlik mulia berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah.

Generasi muda atau belia merupakan tiang dan sandaran negara serta menjadi

sumber tenaga manusia yang sangat bernilai. Pada mereka diletakkan cita-cita serta harapan negara di masa hadapan. Sebagai harapan negara, mereka memukul tanggungjawab yang amat besar. Oleh yang demikian, mereka perlu dibentuk dan dipersiapkan dengan tarbiah, nilai-nilai dan kefahaman Islam sejak dari kecil lagi bagi menanai matlamat dan cita-cita negara yang dicintai.

Untuk melahirkan belia Brunei yang cemerlang, antara ciri yang perlu dimiliki oleh setiap belia ialah bepirawis. Maksud bepirawis ialah bersikap sopan tentang bercakapan, biasanya di hadapan orang tua-tua, orang atasan dan lain-lain. Belia seharusnya mempunyai sikap hormati-menghormati terhadap semua lapisan masyarakat sama ada golongan muda dan tua terutama dalam menerajui kepimpinan dalam kalangan masyarakat.

Umpama kata pepatah "Yang tua dihormati, yang muda disayangi". Belia seharusnya sentiasa bersikap sopan terhadap orang tua dengan menerima sebarang nasihat orang tua dan mengambil iktibar perkara yang baik. Amat digalakkan golongan belia dan tua bersatu hati dalam membina dan membangun kemajuan belia di negara ini. Dari situ, integriti di antara dua golongan ini akan terjalin dan membentuk kekuuhan perpaduan bersama.

Belia menjadi tonggak utama negara dalam menentukan hala tuju dan kemajuan negara pada masa hadapan. Pentingnya belia pada sesbuah negara adalah terletak pada peranan belia itu sendiri yang akan membawa kepada kemajuan pembangunan negara.

Komitmen dalam mempersiapkan diri belia dengan acuan yang berkualiti adalah penting untuk melahirkan belia yang cemerlang. Cemerlang dalam pendidikan, keperibadian dan kerohanian bahkan juga belia yang memiliki kemahiran, kreatif dan berdaya saing dalam pelbagai bidang seiring dengan kepesatan kemajuan dunia

kini yang dinamik lagi mencabar.

Kesiapsiagaan belia dalam memberikan khidmat dan bakti mereka kepada negara terbukti apabila negara berdepan dengan situasi mencabar bagi menangani penularan wabak COVID-19 beberapa tahun kebelakangan ini. Dalam mewujudkan ekosistem pembangunan belia yang bertenaga, kukuh, mantap dan menyeluruh, belia yang sentiasa bersedia dalam pembentukan dasar dan membuat keputusan bagi mencapai kecemerlangan yang tinggi sangat penting, dan ini didukung melalui keperibadian yang berakhlik mulia, bertaraf dunia, bersedia dengan perubahan masa hadapan bagi pembangunan negara secara menyeluruh serta mengukuhkan nilai-nilai kebruneian.

Strategi untuk mempersiapkan belia siaga masa depan merupakan tanggungjawab secara bersepada antara pihak kerajaan, swasta dan Pertubuhan Awam (NGO) sebagai agenda utama dalam pembangunan negara.

Akhirnya, bagi menjamin kemakmuran dan kemajuan negara kita ini agar berterusan dan sentiasa membangun dari masa ke masa, kita amat memerlukan golongan pelapis iaitu golongan belia kerana mereka yang bakal menggantikan meneruskan usaha dalam membangun ummah dan negara di masa hadapan. Sama-sama kita berdoa semoga belia-belia kita akan sentiasa berada di jalan yang benar dan direndah Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabb Al-Adamin.

**Tafsirnya** : "Kamu (wahai umat Nabi Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat yang makruf dan melarang daripada yang mungkar dan beriman kepada Allah. Dan kalau ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) beriman, tentulah yang demikian itu baik bagi mereka. (Tetapi) sebahagian daripada mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka ialah orang fasik". (Surah Ali-Imran, ayat 110)

## PUPUK MINAT, CUNGKIL BAKAT MEMBACA AL-QURAN



Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Julai. - Dalam usaha memupuk minat dalam kalangan murid Kelas Al-Quran dan Muqaddam di masjid-masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara agar celik Al-Quran dan menjadikan membaca Al-Quran sebagai amalan harian yang berterusan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Unit Kelas Al-Quran dan Muqaddam, Bahagian Imarah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Omar 'Ali Saifuddien

mengadakan Pertandingan Membaca Surah Al-Fatihah dan Menghafaz Ayat-ayat Lazim bagi Kelas Al-Quran dan Muqaddam di Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara Tahun 1445H/2023M.

Pertandingan yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien itu, disertai 44 peserta yang dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Kategori 'A' bagi peserta lelaki dan perempuan yang berumur 7 tahun hingga 9 tahun; dan Kategori 'B' bagi peserta lelaki dan perempuan berumur 10 tahun hingga 12 tahun.

Pada pertandingan berkenaan, Awang Syuriah Rafiuddin bin Shah



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang (atas dan kiri).

Ali Muhammad dinobatkan sebagai juara Kategori 'A' (Lelaki), diikuti Awang Muhammad Al Syairazi bin Mohamad Shahrizan di tempat kedua, dan tempat ketiga disandang oleh Awang Muhammad Zayd Omar bin Sahibol Omar.

Bagi Kategori 'A' (Perempuan) pula, tempat pertama dimenangi oleh Dayang Nur Husnina Ameerah binti Haji Sudirman, disusuri Dayang Ayra Raudhah binti Muhammad Azmi dan Dayangku Ameerah Rizqah Ummi Umairah binti Pengiran Mohd Norfaisal, masing-masing di tempat kedua dan ketiga.

Sementara itu, dalam Kategori 'B' (Lelaki), Awang Muhammad Nur Ikhwan@Zaquan bin Saban

memenangi tempat pertama, diikuti tempat kedua yang disandang oleh Awang Zain bin Mohamad Zairy Izhan, dan Awang Md Hadi Mustaqim bin Haji Adam di tempat ketiga.

Manakala, bagi Kategori 'B' (Perempuan), juara disandang oleh Dayang Siti Nur Ameera Syahirah binti Mohd Azim, diikuti Dayang Amalia Darwisyah binti Md Daud dan Dayang Nur Mairatul Hikmah binti Md Hyrolyzam, masing-masing di tempat kedua dan ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad

Rosli bin Haji Ibrahim.

Antara tujuan pertandingan itu diadakan adalah untuk melahirkan kanak-kanak yang boleh membaca Al-Quran dengan lancar dan sempurna.

Di samping untuk mencungkil bakat murid-murid Kelas Al-Quran dan Muqaddam serta menjadikan Al-Quran sebagai teman dalam kehidupan, ia juga dihasrat menarik minat lebih ramai kanak-kanak untuk mengikuti apa jua aktiviti yang dijalankan di masjid-masjid khususnya Kelas Al-Quran dan Muqaddam yang secara tidak langsung menjadikan masjid sebagai pusat penyebaran dakwah kepada masyarakat umum.

# UTB, MC METERAI MOU RAPATKAN KERJASAMA

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**TUNGKU LINK**, Rabu, 26 Julai. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Mitsubishi Corporation (MC) hari ini menandatangani dua Memorandum Persefahaman (MoU) yang berlangsung di Bilik Persidangan Utama, UTB bagi menandakan kerjasama yang ketara antara kedua-dua entiti.

Menandatangani bagi pihak UTB ialah Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman manakala bagi pihak MC diwakili oleh wakil negara bagi MC iaitu Tadashi Hara.

MoU pertama tertumpu kepada penajaan lima pelajar UTB oleh MC tahun ini dengan jumlah tajaan sebanyak BND10,000.

Penajaan bertujuan untuk menyokong perjalanan akademik pelajar yang layak, memberi mereka bantuan kewangan untuk mencapai matlamat pendidikan mereka.

MC sebelum ini telah memberikan skim yang sama dengan memberi tajaan kepada lima pelajar UTB yang berjaya pada 9 Ogos 2021 yang lalu, bagi memperkenan sokongan berterusan mereka untuk komuniti pelajar UTB.

Sementara itu, MoU kedua pula melibatkan sumbangan Kenderaan



NAIB CANSELOR UTB dan pihak Mitsubishi Corporation (MC) diwakili oleh wakil negara bagi MC iaitu Tadashi Hara menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) (kanan), manakala gambar kiri, MoU kedua pula melibatkan sumbangan Kenderaan Elektrik (Electric Vehicle - EV) oleh Perbadanan Mitsubishi kepada UTB.

Elektrik (Electric Vehicle - EV) oleh Perbadanan Mitsubishi kepada UTB.

Derma ini akan menjadi aset yang luar biasa untuk universiti, membolehkan pelajar dan kakitangan akademik melibatkan diri dalam berkaitan EV pembelajaran, penyelidikan dan inovasi.

Ia juga menunjukkan komitmen

MC dalam menyokong inisiatif kemampunan dan memupuk inovasi di UTB dan Negara Brunei Darussalam (NBD).

MoU ini mewakili perkongsian yang diperkuuh antara UTB dan MC bagi menonjolkan usaha bersama dalam mempromosikan pendidikan, penyelidikan, dan pembangunan mampan.

Kerjasama itu bertujuan untuk



menyediakan peluang pendidikan yang lebih baik untuk pelajar, memacu teknologi kemajuan dan menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan UTB dan NBD secara keseluruhannya.

Terdahulu Naib Canselor UTB dalam ucapannya berkata, EV akan menjadi sumber yang hebat untuk projek stesen pengelasan EV

berkuasa solar yang sedang berjalan. Ia akan membantu ahli akademik dan para pelajar dalam pembelajaran dan penyelidikan mereka.

Belia turut melahirkan harapan agar kehadiran EV ini akan mengukuhkan projek berkaitan EV, menyumbang ke arah menyokong pembangunan kelestarian dan inovasi di UTB dan NBD.

## PPNBDsertai Jambori Pengakap Sedunia di Korea Selatan



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyerahkan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada Ketua Kontinen (atas kanan dan atas).**

**Berita dan Foto : Ihsan Syahmi Halimshah**

**BERIBI**, Rabu, 26 Julai. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) baru-baru ini mengajurkan Majlis Penyerahan Bendera kepada kontinen PPNBD yang akan menyertai Jambori Pengakap Sedunia Kali Ke-25, Korea Selatan.

Majlis Penyerahan Bendera tersebut berlangsung di Dewan Serbaguna, Tingkat 5, PPNBD.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan, diikuti dengan persetiaan Pengakap dan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat.

Seterusnya ucapan alu-aluan daripada Pesuruhjaya Ibu Pejabat Sumber Dewasa, Haji Awang Hassan bin Haji Abdul Hamid, yang juga selaku Ketua Kontinen PPNBD ke Jambori Dunia Ke-25.

Majlis kemudian diikuti dengan persesembahan kebudayaan yang akan dipersembahkan semasa Jambori Dunia nanti dan diikuti dengan pembentangan daripada 'International Service Team' Jambori Dunia yang terdiri daripada Ahli-ahli Pengakap Kelana yang akan turut sama menghadiri Jambori berkenaan.

Acara kemuncak majlis ialah Majlis Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis kepada Ketua

Kontinen.

PPNBD akan menghantar kontinen ke Korea Selatan bagi menghadiri Jambori Pengakap Sedunia Kali Ke-25, Korea Selatan pada tahun 2023.

Seramai 28 peserta yang terdiri empat Ahli Pengakap Dewasa, 18 Ahli-ahli Pengakap Muda dan Pengakap Remaja.

Dibantu oleh enam Ahli Pengakap Kelana yang akan menjadi 'International Service Team' semasa Jambori nanti.

Jambori Pengakap Sedunia dianjurkan oleh Pertubuhan Pergerakan Pengakap Sedunia. Pada Edisi Kali Ke-25 ini Korea Scouts Association menjadi Tuan Rumah ialah perkhemanan belia terbesar di dunia.

Jambori dunia ini diadakan setiap empat tahun. Dijangkakan seramai lebih 50,000 peserta yang terdiri daripada belia-belia yang



berumur 12-17 tahun dan pemimpin-pemimpin pengakap yang terdiri dari 170 negara akan berkongsi kebudayaan negara masing-masing dan pengalaman kepengakapan semasa Jambori berkenaan.

Jambori Pengakap Dunia ini akan diadakan di Saemangeum, Buan-gun, Jeollabuk-do, Korea Selatan dengan tema 'Draw Your Dream'.

Jambori Pengakap Sedunia Ke-25 dijadualkan akan diadakan pada 1 hingga 12 Ogos 2023. Pelbagai kegiatan telah dirancang oleh Korea Scouts Association di antaranya ialah aktiviti-aktiviti

lasak, Program Sustainable Development Goals, Penggunaan Teknologi Hijau dan Teknologi terkini dan perkongsian budaya antara negara.

Juga hadir pada majlis penyerahan ialah Yang Di-Pertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya, Mohammad Arif bin Abd Hadi.

Turut sama hadir ialah ibu bapa peserta-peserta yang akan menghadiri Jambori berkenaan Ahli Majlis Pengakap Kebangsaan, Pesuruhjaya - pesuruhjaya Pengakap, Pemimpin Pengakap dan Ahli Pengakap Dewasa.



ANTARA persembahan kebudayaan yang akan dipersembahkan nanti.

# PELAJAR, GURU SM YSHHB AKAN HADIRI FORUM WAKAYAMA



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 Julai. - Seorang pelajar dari Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM

YSHHB), iaitu Mohammad Arfan bin Haji Mohammad Ibrahim berlepas ke Jepun hari ini bagi menghadiri dan menyampaikan

SEORANG pelajar dari Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, iaitu Mohammad Arfan bin Haji Mohammad Ibrahim berlepas ke Jepun bagi menghadiri Forum Wakayama di Asian Oceanian High Schools.

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Alisahrin Haji Momin

kertas pembentangan bertajuk 'Disaster Prevention Theme Research' pada Forum Wakayama di Asian Oceanian High Schools pada 29 Julai 2023 hingga 2 Ogos 2023.

Pelajar berkenaan diiringi oleh guru pembimbing, Dayang Norhafiza Rabiatul Adawiyah binti Haji Noorazmi.

Terdahulu, bacaan Doa Selamat sebelum berlepas dibaca oleh Awang Ashrulfazillah bin Hussin.

Turut hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas bagi mengucapkan selamat berlepas ialah Pengetua SM YSHHB, Dayang Chong Li Chen.

Sekarang, awda boleh membayar denda kesalahan lalulintas secara dalam talian 'Online Payment'

Powered by

## IHP Mei 2023 catat peningkatan

**Siaran Akbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Julai. - Bagi bulan Mei 2023, Indeks Harga Pengguna (IHP) bulan-ke-bulan menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak 0.3 peratus didorong oleh peningkatan harga makanan dan minuman ringan; dan harga bukan makanan masing-masing sebanyak 0.3 peratus.

Peningkatan bulan-ke-bulan bagi harga makanan dan minuman ringan adalah disumbangkan oleh sayur-sayuran (1.1 peratus); ikan dan makanan laut (0.5 peratus); dan daging (0.4 peratus). Peningkatan harga sayur-sayuran adalah disebabkan oleh kenaikan kos baja bagi pengeluaran lada hidup.

Perkara tersebut antara yang dimaklumkan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik dalam Siaran Akbar mengenai IHP bagi bulan Mei 2023 di Negara Brunei Darussalam.

Dalam Siaran Akbar tersebut juga memaklumkan bahawa peningkatan harga bukan makanan disumbangkan oleh pakaian dan kasut (9.0 peratus); pelbagai barang dan perkhidmatan (0.7 peratus); dan rekreasi dan kebudayaan (0.5 peratus).

Bagi perubahan tahun-ke-tahun, IHP meningkat sebanyak 0.8 peratus berbanding dengan bulan Mei 2022. Peningkatan ini adalah didorong oleh peningkatan harga makanan dan minuman ringan; dan bukan makanan masing-masing sebanyak 2.8 peratus dan 0.3 peratus.

Peningkatan tahun-ke-tahun bagi harga makanan dan minuman ringan adalah disebabkan oleh kenaikan harga seperti beras dan bijirin (5.6 peratus); ikan dan makanan laut (3.2 peratus); dan daging (3.0 peratus), antaralain didorong oleh kenaikan harga bahan-bahan mentah dan bekalan yang terhad.

Di samping itu, peningkatan harga bukan makanan pula adalah didorong oleh pakaian dan kasut (6.7 peratus); restoran dan hotel (4.2 peratus); dan rekreasi dan kebudayaan (2.2 peratus). Peningkatan harga pakaian dan kasut adalah selaras dengan kenaikan harga bahan pakaian.

Kenaikan harga restoran dan hotel adalah berikutan peningkatan harga perkhidmatan katering berkontrak. Manakala peningkatan rekreasi dan kebudayaan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga pakej percutian termasuk haji dan umrah.

IHP mengukur perubahan harga barang dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barang dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga.

Laporan penuh IHP bagi bulan Mei 2023 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.



Laman sesawang: [deps.mofe.gov.bn](https://deps.mofe.gov.bn)  
E-mel: [info.statistics@jpes.gov.bn](mailto:info.statistics@jpes.gov.bn)  
Instagram: [@statistics.jpes](https://www.instagram.com/@statistics.jpes)



جاتن قرچن ایکونومی دان ستاتیستیک  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
BRUNEI DARUSSALAM

### INDEKS HARGA PENGGUNA

### MEI 2023

#### Bulan-ke-Bulan

Mei 23 | Apr 23

**0.3%**

#### Tahun-ke-Tahun

Mei 23 | Mei 22

**0.8%**

#### Bulan-ke-Bulan



#### Tahun-ke-Tahun



#### Tahun Asas (Jan 2015=100)



Bakul barang dan perkhidmatan IHP yang bernilai **BND100.00** pada bulan **Januari 2015** kini bernilai **BND106.68** pada bulan **Mei 2023**.

#### Penyumbang Utama Tahun-ke-Tahun

##### Makanan

**2.8%**

Beras dan Bijirin



**5.6%**

Ikan dan Makanan Laut



**3.2%**

Daging



**3.0%**

##### Bukan Makanan

**0.3%**

Pakaian dan Kasut



**6.7%**

Restoran dan Hotel



**4.2%**

Rekreasi dan Kebudayaan



**2.2%**

##### Nota

- IHP mengukur perubahan harga purata bakul barang dan perkhidmatan yang dibayar oleh isirumah pada tempoh yang tertentu.
- Perubahan bulan-ke-bulan bermaksud perbandingan harga dengan bulan sebelumnya.
- Perubahan tahun-ke-tahun bermaksud perbandingan harga dengan tahun sebelumnya.

# PENGURNIAAN BINTANG KEBESARAN PENCETUS SEMANGAT



PENERIMA S.M.B antaranya Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Awang Haji Matali bin Haji Kamis dan Pegawai Kerja, Dayang Hajah Maskatun binti Haji Bakir semasa bergambar ramai.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Muhammad Khalid Doughty, Ihsan Awang Haji Ahmad Abdussalam Haji Abd. Rahman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Julai. - Pengurniaan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam telah diadakan hari ini bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni



PEGAWAI Waran 1, Awang Norkamal bin Haji Md. Salleh, Sarjan Mejor Rejimen, Institut Latihan Penanjong Garison, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77. Pengurniaan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman, di sini menyaksikan keseluruhan seramai 110 penerima bagi Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga (S.M.B), Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Keempat (PSB) dan Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Kelima (P.U.B).

Setentunya para penerima menzahirkan rasa syukur atas nikmat Allah serta pengurniaan itu yang pasti memberikan satu

momen terindah sebagai kenangan yang tidak dapat dilupakan sepanjang menabur jasa dan khidmat demi kemajuan bangsa dan negara.

Pelita Brunei sempat menemu bual beberapa penerima S.M.B antaranya Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Awang Haji Matali bin Haji Kamis di mana beliau menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan limpah rahmat-Nya kerana telah diberikan pengurniaan Bintang-bintang Kebesaran tersebut dan menjunjung kasih kehadapan majlis baginda.

"Kebahagiaan dalam menerima pengurniaan ni bukan hanya dirasakan secara peribadi, tetapi dirasakan juga oleh seluruh ahli keluarga, di mana mereka sendiri pasti turut berbangga kerana pengorbanan yang mereka curahkan diberikan recognitions malah pastinya pengurniaan ini akan menjadi pemangkin semangat untuk terus berkhdmat," ujar beliau.

Dalam masa yang sama, dengan adanya pengurniaan Bintang Kebesaran tersebut yang bermakna buat dirinya sendiri atas usaha dan bekerja yang diarahkan, patuh kepada ketua, menanai

tanggungjawab dan amanah serta kepercayaan yang diberi.

"Perasaan saya amat terharu, kerana selama dalam perkhidmatan, saya tidak pernah mengharapkan apa-apa cuma berbangga dapat berbakti kepada raja, bangsa dan juga negara," tambah beliau lagi.

Awang Haji Matali juga menyarankan para pegawai dan kakitangan lain untuk menjalankan tanggungjawab sepenuhnya, niat kerja kerana Allah dan berdoa agar diberikan petunjuk dan rahmat atas segala pekerjaan yang ditugaskan demi sama-sama memajukan diri, kerja dan setentunya demi raja, bangsa dan negara.

Manakala Pegawai Kerja, Dayang Hajah Maskatun binti Haji Bakir yang juga penerima S.M.B menyatakan, dengan adanya pengurniaan Bintang S.M.B tersebut setentunya menjadi pendorong baginya untuk terus meningkatkan lagi usaha dalam mencurahkan jasa bakti kepada kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Pengurniaan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam hari ini, mudah-mudahan menjadi pendorong kepada rakan-rakan yang lain," ujarnya.

Rasa syukur turut dizahirkan oleh salah seorang penerima P.S.B, Pegawai Waran 1, Awang Norkamal bin Haji Md. Salleh, Sarjan Mejor Rejimen, Institut Latihan Penanjong Garison, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) di atas kepercayaan dan pengiktirafan pengurniaan Bintang Kebesaran berkenaan.

Bintang P.S.B itu, tambahnya, menjadi contoh dan tauladan, menaikkan semangat dan komitmen dalam menjalankan tugas sebagai anggota ABDB.

Pegawai Waran 1, Awang Norkamal yang juga sebelumnya menerima Pingat Indah Kerja Baik pada tahun 2009 dan Pingat Jasa Kebaktian pada tahun 2013



PEMANGKU Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman.

seterusnya merafakkan dengan memanjatkan doa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia dikurniakan usia yang panjang, kesihatan yang berkekalan dan kekal memerintah negara dengan aman dan makmur.

Sementara Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman yang merupakan antara penerima Bintang P.U.B dan seterusnya akan meningkatkan lagi kualiti kerja dan prestasi dalam berkhdmat dengan Kerajaan Kebawah DYMM demi agama, raja, bangsa dan negara.

Pengurniaan yang diterimanya itu, tambahnya, satu pengiktirafan daripada Kebawah DYMM dan kerajaan baginda atas sumbangan khidmat kerja yang kini selama 26 tahun dan semoga ia juga mendapat pahala dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

"Lakukan kerja dengan ikhlas kerana Allah tanpa mengharapkan apa-apa pujian dan imbalan daripada manusia, insyaaAllah ganjaran akan diterima di dunia dan di akhirat."

>> Muka 30

## Brunei Bersih terap konsep kebersihan dalam Islam



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Julai. - Selain Jerayawara Brunei Bersih ke sekolah-sekolah, Program Pembarigaan Kesedaran Kebersihan dan Pembarigaan bagi Akta Kesalahan-Kesalahan


Rampaian Penggal 30, Pindaan 2021 dilaratkan lagi di sekitar kawasan Bandar Seri Begawan (BSB) semasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang

PROGRAM Pembarigaan Kesedaran Kebersihan dan Pembarigaan bagi Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian Penggal 30, Pindaan 2021 dilaratkan lagi di sekitar kawasan Bandar Seri Begawan (kiri dan kanan).

Maha Mulia Paduka Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Undang-Undang Jabatan Bandaran BSB iaitu pada 17 sehingga 20 Julai 2023 ini dengan pengagihan brochure, poster dan pelekat khas Brunei Bersih serta penerangan mengenainya.

Program yang bertemakan Brunei Bersih ini antara lain menerapkan konsep kebersihan dalam Islam dan menjunjung konsep patriotisme terhadap tanggungjawab menjaga kebersihan perlu dilaksanakan oleh semua lapisan masyarakat sebagai tanggungjawab bernegara.

Antara matlamat program ini adalah untuk mendidik masyarakat orang awam secara amnya dan penjaja-penjaja secara khasnya dalam sama-sama memainkan



peranan penting bagi mengekalkan usaha-usaha kebersihan melalui wadah pendidikan, pengajaran dan tatacara kebersihan yang sewajarnya.

Program ini diharapkan akan dapat mendidik masyarakat agar lebih bertanggungjawab dan berdisiplin dalam sama-sama menjaga kebersihan Negara Brunei Darussalam.

Jabatan Bandaran BSB berkeyakinan dan berharap agar program seperti ini akan dapat membawa slogan Brunei Bersih secara meluas dan berharap ia akan memberi impak kepada khasnya peniaga-peniaga dan pengunjung sepanjang perayaan ini tentang impak kebersihan keselamatan dan kesihatan alam sekitar.



سوروهنجاى فرخدمتن عوام  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

## IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT  
KELAYAKAN SERTA HURAIAH TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI  
DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

### PERINGATAN PENTING

1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.



- 1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0 ([WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN))
- 2 Lengkapkan Kelulusan (Keputusan / pengkataan serta subjek / bidang kelulusan)
- 3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Surat, transkrip dan pengkataan Majlis Kelangsungan Pengkataan Kelulusan (MKPK) yang berhensem)
- 4 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
- 5 Lengkapkan Maklumat (Bantuan / pekerjaan / keperluan Perkhidmatan Awam / kecemasan-kecemasan / kelayakan profesional dan lain-lain yang diperlukan di dalam skim iklan)

Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

+673 7371961 PSC.BN query@spa.gov.bn

Telah WhatsApp  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

PSC.BN

Jawatan, Tingga Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. SETIAUSAHA KEDUA B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2023/JUL/09	KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI	07	7(A) GAJI HARI	02 OGOS 2023
2. PEGAWAI PENYELIDIK B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2023/JUL/09	KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI	05	7(A) GAJI HARI	02 OGOS 2023
3. GURU G.8 (BAHAGIAN III) 2023/JUL/16	INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	02	7(A)	05 OGOS 2023
4. PEMBANTU KESIHATAN D.4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2023/JUL/17	JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA, KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	7(A)	05 OGOS 2023
5. PEGAWAI PELAJARAN KANAN G.15 (BAHAGIAN II) 2023/JUL/15	JABATAN PENDIDIKAN KHAS, KEMENTERIAN PENDIDIKAN	02	38(A)	05 OGOS 2023
6. MEKANIK KENDERAAN E.2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2023/JUL/19	PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA, KEMENTERIAN KEWANGAN	01	7(A)	07 OGOS 2023

PERINGATAN:  
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".  
2. PEMOHON YANG BURAI TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.  
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)



JABATAN DAERAH TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :  
Q.JDT / 22 / 2023

Tajuk Tawaran :  
Sebut Harga  
Bagi Kerja-Kerja  
Pembekalan Baju  
(Coverall) dan Kasut  
(Safety Boot) Untuk  
Jabatan Daerah Tutong

Yuran Tawaran :  
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran :  
Tidak lewat  
pada Isnin,  
7 Ogos 2023.  
Jam 2.00 Petang.



JABATAN KEMAJUAN  
PELANCONGAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN  
PELANCONGAN

Bilangan Tawaran :  
JKP / SH / 2023 - 2024 / 20 (R)

Tajuk Tawaran :  
Export Shipment  
By Air Cargo  
(Ex Brunei to Osaka,  
Japan and Return  
Shipment to Brunei -  
Door to Door Delivery)  
Tourism Expo  
Japan 2023,  
26 - 29 October 2023

Tarikh Tutup Tawaran :  
Khamis,  
17 Ogos 2023.  
Jam 2.00 Petang.



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN

Makluman Tarikh  
Lanjutan Iklan

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :  
Selasa,  
25 Julai 2023.

Tarikh Tutup Tawaran :  
Selasa,  
1 Ogos 2023.  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran :  
JKR / DWS / 011 / 2023

Nama Projek :  
Mengganti / Memindah  
Paip-Paip Utama Yang  
Lama Bagi Semua Daerah  
- Paip Utama  
(Jalan Ban, Jalan Tutong,  
Daerah Brunei Muara).

Yuran Tawaran :  
BND1,000.00  
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :  
BND5.00



Bilangan Sebut Harga :  
JKBD / 2023 / SH-08

Sebut Harga Bagi  
Perkhidmatan / Pembekalan :  
Kerja-Kerja Pembaikan  
Di Stesen Pencerapan  
Kajicuaca Di Lapangan  
Terbang Antarabangsa  
Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :  
Rabu,  
23 Ogos 2023.  
Sebelum jam 9.00 Pagi.

Kepada :  
Pengerusi  
Jawatankuasa Sebut  
Harga  
Jabatan Kajicuaca  
Brunei Darussalam  
Blok B23,  
Flat Anggerek Desa  
Simpang 32-37,  
Kampong Anggerek Desa  
Bandar Seri Begawan  
BB3713  
Negara Brunei Darussalam.



JABATAN RADIO  
TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI

Notis Sebut Harga

Tajuk Sebut Harga :  
RTB / K / 80 / 23 - 24  
Supply and Delivery Of Digital  
Camera and Accessories.

Yuran Sebut Harga :  
(Termasuk e-dokumen) :  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy) :  
BND5.00  
(Jika perlu dan tidak  
dikembalikan)

Tarikh Tutup :  
Rabu,  
9 Ogos 2023.  
Jam 2.00  
Petang.



JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN

Dibuka kepada  
Pembekal - Pembekal  
Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan  
Di Dalam

Kelas :  
III & IV Sahaja

Kategori :  
KA01 / S02 Sahaja

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :  
Selasa,  
1 Ogos 2023.

Tarikh Tutup Tawaran :  
Selasa,  
15 Ogos 2023.  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran :  
JKR / DWS / 013 / 2023

Nama Projek :  
Kontrak Penggal Bagi  
Kerja-Kerja Operasi dan  
Pemeliharaan Ulu Tutong dan  
Benutan Dam,  
Tutong.

Yuran Tawaran :  
BND100.00  
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :



JABATAN  
PERKHIDMATAN  
ELEKTRIK  
JABATAN TENAGA

Bilangan Tawaran :  
JPE / LTK / PDP /  
040 / 2023

Tajuk Tawaran :  
Proposed Protection  
Grading and Dynamics  
Studies For 66kv  
Networks At  
Pasir Putih Substation  
and  
Related Transmission  
Substation.

Tarikh Tutup :  
Selasa,  
5 September 2023.  
Jam 2.00 Petang.

Yuran Tawaran :  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)



JABATAN MUZIUM-MUZIUM  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran :  
26 / JMM / S / 12 / 91  
(2023/2024) - R

Tajuk Tawaran :  
Renovation Of VIP Toilet,  
Male & Female Toilets,  
Disable Toilet  
At Museum Of  
Daerah Belait,  
Kuala Belait.

Tarikh Tutup Tawaran :  
Selasa,  
15 Ogos 2023.  
Tidak lewat  
jam 2.00 Petang.





KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN

**1. Bilangan Tawaran :**  
JBS / ADM / TDR / 06 / 2023

**Keterangan :**  
Proposal For Bird Control and Bird Prevention Program Including Cleaning Bird Excrement and Its Nests At Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

**Bayaran Yuran Tawaran :**  
BND30.00

**2. Bilangan Tawaran :**  
JBS / ADM / TDR / 07 / 2023

**Keterangan :**  
Contract For Twenty-Four (24) Months On Housekeeping Landscape Maintenance, Grass Cutting & Garbage Collecting Of Existing Jabatan Belia Dan Sukan Complexes and Venues.

**PAKEJ A**

- Stadium Negara Hassanal Bolkiah
- Pusat Perubatan dan Penyelidikan Sukan
- Outdoor Playground At SNHB
- Unit Kenderaan, JBS
- Taman Budiman, KSNHB (Taman Belia)

**Bayaran Yuran Tawaran :**  
BND50.00

**3. Bilangan Tawaran :**  
JBS / ADM / TDR / 08 / 2023

**Keterangan :**  
Contract For Twenty-Four (24) Months On Housekeeping Landscape Maintenance, Grass Cutting & Garbage Collecting Of Existing Jabatan Belia dan Sukan Complexes and Venues.

**Pakej B**

- Padang dan Balapan, KSNHB
- Kompleks Sukan Berakas.

**Bayaran Yuran Tawaran :**  
BND30.00

**4. Bilangan Tawaran :**  
JBS / ADM / TDR / 09 / 2023

**Keterangan :**  
Contract For Twenty-Four (24) Months On Housekeeping Landscape Maintenance, Grass Cutting & Garbage Collecting Of Existing Jabatan Belia dan Sukan Complexes and Venues.

**Pakej C**

- Kolam Renang, KSNHB
- Kolam Renang, Anggerek Desa

**Bayaran Yuran Tawaran :**  
BND30.00

**5. Bilangan Tawaran :**  
JBS / ADM / TDR / 10 / 2023

**Keterangan :**  
Contract For Twenty-Four (24) Months On Housekeeping Landscape Maintenance, Grass Cutting & Garbage Collecting Of Existing Jabatan Belia dan Sukan Complexes and Venues.

**Pakej D**

- Kompleks Sukan Menglait

- Padang Ong Sum Ping
- Padang Terunjing
- Padang Sukan Serbaguna Lambak Kanan

**Bayaran Yuran Tawaran :**  
BND30.00

**6. Bilangan Tawaran :**  
JBS / ADM / TDR / 11 / 2023

**Keterangan :**  
Contract For Twenty-Four (24) Months On Housekeeping Landscape Maintenance, Grass Cutting & Garbage Collecting Of Existing Jabatan Belia dan Sukan Complexes and Venues.

**Pakej E**

- Pusat Belia, BSB
- Kompleks Sukan Sungai Kebun

**Bayaran Yuran Tawaran :**  
BND30.00

**7. Bilangan Tawaran :**  
JBS / ADM / TDR / 12 / 2023

**Keterangan :**  
Contract For Twenty-Four (24) Months On Housekeeping Landscape Maintenance, Grass Cutting & Garbage Collecting Of Existing Jabatan Belia dan Sukan Complexes and Venues.

**Pakej F**

- Dewan Serbaguna, KSNHB
- Pusat Boling Padang, KSNHB
- Pusat Petanque, KSNHB
- Gelanggang Gasing, KSNHB

**Bayaran Yuran Tawaran :**  
BND30.00

**8. Bilangan Tawaran :**  
JBS / ADM / TDR / 13 / 2023

**Keterangan :**  
Contract For Twenty-Four (24) Months On Housekeeping Landscape Maintenance, Grass Cutting & Garbage Collecting Of Existing Jabatan Belia dan Sukan Complexes and Venues.

**Pakej G**

- Gelanggang Tenis, KSNHB
- Stadium Tertutup, KSNHB
- Kiosk De Indoor @ Indoor Stadium, HBNSC
- Kompleks Sukan Air Serasa
- Flat Anggerek Desa (Block 18, Simpang 32-15, Flat Kerajaan, Jalan Anggerek Desa)

**Bayaran Yuran Tawaran :**  
BND30.00

**9. Bilangan Tawaran :**  
JBS / ADM / TDR / 14 / 2023

**Keterangan :**  
Contract For Twenty-Four (24) Months On Housekeeping Landscape Maintenance, Grass Cutting & Garbage Collecting Of Existing Jabatan Belia dan Sukan Complexes and Venues.

**Pakej H**

- Pusat Stor, JBS (No.80, Simpang 336-52, Block Unit 15 Banglo, Jalan Kebangsaan Lama, BSB)
- Perkampungan Sukan, KSNHB & Padang Kawad
- Stadium Hoki, KSNHB
- Pusat Skuasy, KSNHB

**Bayaran Yuran Tawaran :**  
BND30.00

**10. Bilangan Tawaran :**  
JBS / ADM / TDR / 15 / 2023

**Keterangan :**

Contract For Twenty-Four (24) Months On Housekeeping Landscape Maintenance, Grass Cutting & Garbage Collecting Of Existing Jabatan Belia dan Sukan Complexes and Venues.

**Pakej I**

- Kompleks Sukan Jerudong

**Bayaran Yuran Tawaran :**  
BND10.00

**11. Bilangan Tawaran :**  
JBS / ADM / TDR / 16 / 2023

**Keterangan :**  
Contract For Twenty-Four (24) Months On Housekeeping Landscape Maintenance, Grass Cutting & Garbage Collecting Of Existing Jabatan Belia dan Sukan Complexes and Venues.

**Pakej J**

**Cawangan Daerah Tutong**

- Kompleks Sukan Tutong
- Pusat Akuatik
- Balapan dan Padang
- Pusat Belia

**Bayaran Yuran Tawaran :**  
BND30.00

**12. Bilangan Tawaran :**  
JBS / ADM / TDR / 17 / 2023

**Keterangan :**  
Contract For Twenty-Four (24) Months On Housekeeping Landscape Maintenance, Grass Cutting & Garbage Collecting Of Existing Jabatan Belia dan Sukan Complexes and Venues.

**Pakej K**

**Cawangan Daerah Belait**

- Kompleks Sukan Mumong
- Padang Arena, Seria
- Ibu Pejabat (Jalan Maulana, Kb)
- Pusat Belia & Dewan Riadah (Gudang Beras)
- Rumah Kelas B (No.797, Simpang 159, Jalan Maulana, Kuala Belait)

**Bayaran Yuran Tawaran :**  
BND30.00

**13. Bilangan Tawaran :**  
JBS / ADM / TDR / 18 / 2023

**Keterangan :**  
Contract For Twenty-Four (24) Months On Housekeeping Landscape Maintenance, Grass Cutting & Garbage Collecting Of Existing Jabatan Belia dan Sukan Complexes and Venues.

**Pakej L**

**Cawangan Daerah Temburong**

- Kompleks Sukan Temburong
- Kolam Renang Temburong
- Pusat Belia Temburong

**Bayaran Yuran Tawaran :**  
BND30.00

**Tarikh Tutup :**  
Selasa, 15 Ogos 2023.

**Jam :**  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



UNIVERSITI  
ISLAM SULTAN SHARIF ALI

UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali mempelawa pemohon-pemohon tempatan yang berkelayakan dan bersesuaian untuk memohon jawatan akademik seperti berikut :

**Jawatan :**  
Penolong Pensyarah (PT1) /  
Pensyarah (PT1A).

**Tangga Gaji :**  
PT1  
(BND2,905.00 - BND3,000.00 -  
BND3,095.00 - BND3,190.00) /

**PT1A**  
(BND3,190.00 - BND4,240.00)  
sebulan

**Bidang :**  
Digital Technology  
&  
Innovation

**Kemudahan**  
**Elaun Akademik :**  
Penolong Pensyarah  
- BND150.00  
sebulan

**Pensyarah**  
- BND200.00  
sebulan



**Tatacara Permohonan :**

Borang permohonan - Form P2 (Borang P2) bolehlah didapati dan diisi melalui dalam talian ini <https://unissa.edu.bn/application/form-p2-borang-p2-academic-post-local/>

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi +673 2462000 sambungan 184, 251 atau hotline UNISSA +673 8787996 semasa waktu pejabat atau e-mel kepada : [recruitment@unissa.edu.bn](mailto:recruitment@unissa.edu.bn)

**Tarikh Buka Permohonan :**  
Khamis,  
20 Julai 2023.

**Tarikh Tutup**  
**Permohonan :**  
Khamis,  
3 Ogos 2023.

**Rujukan Iklan :**  
UNISSA / IJK7(a) /  
AKA-LOK(DTI) / 4 / 2023

## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkeraan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

[iklan.pb@information.gov.bn](mailto:iklan.pb@information.gov.bn)

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400  
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

Tawaran Perkhidmatan Bagi Sekolah Ugama Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Daerah Brunei dan Muara**

**No. Tawaran :**  
KHEU / JPI / KANTIN / 49 / 13

**Nama Sekolah Ugama :**  
Sekolah Ugama Perpindahan Lambak Kanan, Jalan 77, Kawasan Brunei II A.

**Bayaran :**  
BND5.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Memuat Naik (upload) :**  
Selasa, 5 Safar 1445H / 22 Ogos 2023M

**Tarikh Akhir Menghantar :**  
Rabu, 6 Safar 1445H / 23 Ogos 2023M.  
Sebelum jam 2.00 Petang.





**JABATAN PENGANGKUTAN DARAT KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Rujukan Tawaran :**  
15 / JPD / JKSH / 20232024

**Tajuk Tawaran :**  
Penyewaan Ruang Bagi Penyediaan Perkhidmatan Fotokopi (Photocopy)




## INVITATION FOR EXPRESSION OF INTEREST (EOI) FOR EDUCATIONAL TECHNOLOGY PROJECTS

FOR THE MINISTRY OF EDUCATION, BRUNEI DARUSSALAM

LIST OF EDUCATIONAL TECHNOLOGY PROJECTS:

1. EOI THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING, WARRANTY, AND MAINTENANCE OF CENTRALISED DIGITAL SIGNAGES FOR SCHOOLS
2. EOI GOOGLE WORKSPACE FOR EDUCATION FUNDAMENTAL AND PLUS FOR SCHOOLS (GWFE)
3. EOI INTERACTIVE SCREEN
4. EOI SMART CLASSROOM
5. EOI TABLETS
6. EOI VIRTUAL REALITY (VR)
7. EOI AUGMENTED REALITY (AR)
8. EOI CHROMEBOOK





**JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan Sebut Harga :**  
ATELS / 2023 / LTK-COMMS-01

**Tajuk Tawaran :**  
Membekal Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bagi Bangunan Jabatan Daerah Brunei dan Muara Selama Dua (2) Tahun, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup :**  
Tidak lewat Selasa, 15 Ogos 2023, Jam 2.00 Petang.





**JABATAN BELIA DAN SUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Tawaran :**

(93) JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**  
Five Years (5) Term Contract For Provision Of Food and Beverage (F&B) Vending Machine At Menglait Sports Complex.

**Bilangan Tawaran :**  
(94) JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**  
Five Years (5) Term Contract For Provision Of Food and Beverage (F&B) Vending Machine At Tutong Sports Complex.

**Bilangan Tawaran :**  
(95) JBS / ADM / QC / 2023



**Keterangan :**  
Five Years (5) Term Contract For Provision Of Food and Beverage (F&B) Vending Machine At Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

**Bilangan Tawaran :**  
(96) JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**  
Five Years (5) Term Contract For Provision Of Food and Beverage (F&B) Vending Machine At Tennis Sports Complex.

**Bilangan Tawaran :**  
(97) JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**  
Five Years (5) Term Contract For Provision Of Food and Beverage (F&B) Vending Machine



At Mumong Sports Complex.

**Bilangan Tawaran :**  
(98) JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**  
Five Years (5) Term Contract For Provision Of Food and Beverage (F&B) Vending Machine At Balapan Sports Complex.

**Bilangan Tawaran :**  
(99) JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**  
Five Years (5) Term Contract For Rental and Operating Restaurant, Berakas Sports Complex.

**Bilangan Tawaran :**  
(100) JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**  
Five Years (5) Term Contract For Provision Of Food and Beverage (F&B) Vending Machine At Hassanal Bolkiah National Swimming Pool Complex.

**Bilangan Tawaran :**  
(101) JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**  
Five Years (5) Term Contract For Provision Of Food and Beverage (F&B) Vending Machine At Multi Purpose Hall, Hassanal Bolkiah National Sports Complex.

**Bayaran Yuran Tawaran :**  
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**  
Khamis,  
10 Ogos 2023.



كمترین قندیدیقن  
MINISTRY OF EDUCATION  
BRUNEI DARUSSALAM

ALL PROPOSALS MUST BE SUBMITTED BY THE END OF THE WORKING DAY OF 19th August 2023 via E-MAIL IN PDF FORMAT AND SEND TO helpdesk@edtechcentre.moe.gov.bn

Pusat Teknologi Pendidikan, Tingkat 1, Bangunan Baru Kementerian Pendidikan, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Brunei Darussalam.

 helpdesk@edtechcentre.moe.gov.bn

 +673 2381844



CLICK HERE FOR  
FURTHER  
INFORMATION





# MADDAHUL MUSTOFA, WARDATUL IMAN JOHAN PERTANDINGAN TAUSYEH



PEMANGKU Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPKK), Awang Julaihi bin Mohamad/Mohamat hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang (atas kanan dan atas). Manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Julai. - Pasukan Maddahul Mustofa dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah Rimba dan Pasukan Wardatul Iman dari Sekolah Menengah Sufri Bolkiah masing-masing dinobatkan johan bagi Kategori Lelaki dan Perempuan Pertandingan Tausyeh Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Kali Ke-15 yang berlangsung di Pentas Perayaan berhadapan Muzium Alat

Kebesaran Diraja, di ibu negara. Naib johan masing-masing diraih pasukan Ameer Al-Huffaz dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) dan Ameeratul Jannah dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha masing-masing bagi Kategori Lelaki dan Perempuan.

Manakala pasukan Al-Mutakirun dari Ma'had Islam Brunei memenangi tempat ketiga

bagi kategori lelaki dan Ameeratul Huffaz dari ITQSHHB, Kategori Perempuan.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPKK), Awang Julaihi bin Mohamad/Mohamat selaku tetamu kehormat majlis.

Dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan melalui Bahagian



Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Azmah Haji Ahad

Kegiatan Kerohanian, JP KK, pertandingan ini antara lain bertujuan bagi memeriahkan suasana Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77.

Di samping itu, ia diharap dapat menghidupkan dan mengukuhkan kecintaan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melalui penguasaan terhadap Dikir Dibaie dan Tausyeh, di samping mempertahankan warisan budaya

Islam, ia juga diharap akan dapat mendukung seruan ke arah Negara Zikir.

Pertandingan tersebut dibuka kepada pelajar di sekolah menengah kerajaan dan swasta, Kementerian Pendidikan dan juga sekolah-sekolah di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Usgama

Sebanyak 13 buah pasukan bagi Kategori Lelaki dan 16 pasukan bagi Kategori Perempuan yang terdiri daripada lima pelajar telah menyertai peringkat awal pertandingan dan tiga pasukan masing-masing bagi Kategori Lelaki dan Perempuan berjaya mara ke peringkat akhir pertandingan.



## Karnival KNK ketengahkan kempen pelancongan domestik



JABATAN Kemajuan Pelancongan akan mengadakan Karnival Kenali Negara Kitani (KNK) selama tiga hari bermula dari 28 Julai 2023 sehingga 30 Julai 2023 bertempat di The Mall Gadong.

Tour Island Discovery; Chill at Sumbiling Eco Village Daytrip; 3 in 1 Cruise (Mangrove, Sunset & Safari) dan lebih banyak lagi.

Penganjuran Karnival KNK adalah bagi mempromosikan kempen pelancongan domestik sebagai persediaan awal buat orang ramai untuk mengisi masa lapang bersama keluarga dan rakan khususnya musim cuti penggal persekolahan bulan Ogos.

Melalui kempen berkenaan orang ramai dapat mengetahui pelbagai produk dan aktiviti pelancongan domestik yang akan ditawarkan oleh penyedia-penyedia perkhidmatan pelancongan tempatan.

Karnival juga akan turut disertai oleh Darussalam Enterprise (DARE) yang akan mempromosikan produk-produk tempatan di bawah inisiatif Bruneian Made dan Imagine Sdn. Bhd.

Bagi mengetahui maklumat lebih lanjut untuk merancang percutian yang hebat, bolehlah melayari laman sesawang [www.bruneitourism.com/ knk](http://www.bruneitourism.com/ knk) atau kunjungi Instagram @kenalinegarakitani.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Julai. - Jabatan Kemajuan Pelancongan akan mengadakan Karnival Kenali Negara Kitani (KNK) selama tiga hari bermula dari 28 Julai 2023 sehingga 30 Julai 2023 bertempat di The Mall Gadong.

Sebanyak lebih 80 pakej-pakej pelancongan tempatan dan staycation ditawarkan oleh seramai 21 penyedia-penyedia perkhidmatan pelancongan tempatan, iaitu Freme Travel Services Sdn. Bhd.; Darussalam Services Sendirian Berhad; AZ Back To Nature and Tours Sdn. Bhd.; The Empire Brunei; Wafa

## Kejadian rompakan masih dalam siasatan

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

**TUTONG**, Rabu, 26 Julai. - Beberapa gambar telah tular di media sosial dipercayai kejadian rompakan yang berlaku di kediaman di Daerah Tutong.

Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) mengesahkan telah menerima laporan daripada Talian Kecemasan Polis 993 berkenaan kejadian dipercayai rompakan yang berlaku pada Subuh, 26 Julai 2023 bertempat di sebuah rumah kediaman di kawasan Kampung Petani, Daerah Tutong.

Pada masa ini, PPDB sedang giat menjalankan siasatan terperinci ke atas kes ini dan memohon kerjasama orang ramai untuk melaporkan mana-mana individu atau insiden yang mencurigakan dan memberikan sebarang maklumat berkaitan kejadian ini melalui Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.

PPDB menasihati orang ramai untuk terus memainkan peranan aktif dalam menjaga keselamatan diri dan harta benda masing-masing dan sentiasa bekerjasama dengan ketua-ketua kampung serta Ahli-ahli Pengawasan Kejiranan untuk sama-sama menjaga keselamatan dan mencegah kejadian jenayah di kampung masing-masing.

Sokongan orang ramai adalah diperlukan dalam membantu usaha PPDB menjadikan negara ini bebas jenayah. Orang ramai juga dinasihatkan untuk tidak membuat sebarang spekulasi terhadap kes ini yang boleh menjaskan siasatan.

# KERJASAMA PADU ASAS KEHARMONIAN, KESEJAHTERAAN KAMPUNG |

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Ihsan MPK RPN Kampung Mentiri Kawasan II

**MUKIM MENTIRI**, Rabu, 26 Julai. - Keharmonian dan kesejahteraan sebuah kampung memang menjadi idaman semua penduduk, namun untuk merealisasikan harapan itu perlu digalas bersama semua peringkat termasuk kepimpinan Kampung dan anak buah kampung.

"Masyarakat kampung juga perlu sama-sama berganding bahu untuk memastikan kejayaan dalam apa juga program dan aktiviti yang menjurus kepada mengeratkan dan perpaduan kampung," jelas Pemangku Ketua Kampung, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri Kawasan II, Awang Haji Nizam bin Haji Julaihi pada Majlis Kesyukuran atas kejayaan mengendalikan Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-77 Tahun, Majlis

Sambutan Ilal Hijrah 1445 dan Majlis Meraikan Jemaah Haji yang baru pulang dari Tanah Suci selepas menunaikan rukun haji pada tahun ini.

Beliau melahirkan rasa terima kasih atas kerjasama semua Ahli Jawatankuasa (AJK) dan penduduk kampung yang telah memberikan kerjasama yang padu, di samping menyambut baik segala sumbangan buah fikiran dan material yang diberikan bagi menjadikan majlis-majlis berkenaan berlangsung dengan jaya dan sempurna.

Pemangku Ketua Kampung itu yakin kesungguhan dan komitmen yang diberikan oleh AJK, akan menjadi model terbaik kepada masyarakat kampung khususnya golongan muda dan ia perlu dikekalkan dan ditingkatkan bagi memajukan lagi kampung.

Pada majlis itu, Awang Haji Tamit

bin Haji Alias, berusia 77 tahun telah dipilih sebagai penerima 'Cenderamata Ilal Hijrah 1445' di atas sumbangan dan penglibatan yang aktif dalam menyumbang peranan khususnya menjadi Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) RPN Kampung Mentiri Kawasan II.

Beliau yang mempunyai empat anak dan enam cucu, telah memberikan komitmen yang tinggi dalam menyumbang tenaga dan bersama-sama ahli lain bergotong-royong untuk membina dalam program dan aktiviti kendalian MPK dan JKKK di kawasan berkenaan.

Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Ibrahim yang juga Ketua Kampung Sungai Buluh hadir menyampaikan cenderamata berkenaan.



MAJLIS Kesyukuran atas kejayaan mengendalikan Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-77 Tahun, Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1445 dan Majlis Meraikan Jemaah Haji yang baru pulang dari Tanah Suci selepas menunaikan rukun haji pada tahun ini (atas dan bawah kiri).



## Muslimah Masjid UBD adakan Majlis Khatam Al-Quran



**MUSLIMAH** Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi Program Satu Minggu Satu Juz bagi kali yang kedua Tahun 2023, yang diadakan pada Ahad, 27 Zulhijah 1444H bersamaan 16 Julai 2023M.

Berita dan Foto : Ihsan Muslimah Masjid Universiti Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Julai. - Muslimah Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi Program Satu Minggu Satu Juz bagi kali yang kedua Tahun 2023, yang diadakan pada Ahad, 27 Zulhijah 1444 Hijrah bersamaan 16 Julai 2023 Masihi.

Majlis berkenaan diketuai oleh Guru Pembimbing Muslimah Masjid UBD, Pengiran Hajah Rohani binti Pengiran Haji Mohd Daud yang juga selaku Penolong Ketua Muslimah Masjid UBD.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar serta Selawat Tarfijiyah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah, bacaan Surah

Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas dan diteruskan dengan bacaan Takhtim dan Doa Khatam.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan Dikir Marhaban dan kemudian diikuti dengan sesi bergambar ramai dan seterusnya menikmati jamuan.

Majlis diakhiri dengan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dibacakan oleh Haji Ahmad Tarmiji bin Haji Md. Daud.

کمترین کصیحتن  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH
 

Suntikan **AKSIN COVID-19** diberikan secara **PERCUMA** kepada semua rakyat dan penduduk yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam

www.moh.gov.bn | 148



## Tanggungjawab bersama lestarikan alam sekitar

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

Foto : Jabatan Penerangan

**A**LAM sekitar yang tidak tercemar setentunya akan memberikan kita suasana yang selesa dan menyamankan. Di samping itu, ia juga setentunya akan memberikan keselesaan kepada manusia. Alam sekitar merupakan anugerah tuhan yang amat bermakna kepada kesejahteraan kehidupan dan manusia banyak bergantung kepada sumber-sumber semula jadi di muka bumi ini.

Persekutaran yang bersih membolehkan kita menyedut udara yang segar dan udara yang bersih serta segar merupakan nikmat yang sangat bermakna kepada kehidupan manusia. Kawasan yang segar dan bersih lazimnya dipenuhi dengan tumbuhan menghijau. Tumbuh-tumbuhan membebaskan oksigen ke udara dan membolehkan badan kita mendapat bekalan oksigen secukupnya.

Udara dalam alam sekitar kita yang bersih dan segar juga membolehkan kita menikmati keselesaan. Kita akan berasa selesa jika tidak ada gangguan pada persekitaran kita. Cuaca panas dan kering yang disebabkan oleh kenaikan suhu akan dapat dielakkan

dan sekali gus membolehkan kita menjalani kehidupan dalam keadaan cuaca yang baik.

Perlu diingat, melalui persekitaran yang segar, orang ramai juga boleh melakukan aktiviti luar dan beriadah tanpa gangguan, di mana dengan gangguan, ia boleh menimbulkan perasaan rimas, marah dan tidak selesa. Aktiviti riadah yang dijalankan dalam keadaan bersih akan mampu meningkatkan tahap kesihatan kita.

Sering kali kita dengar, khususnya di Negara Brunei Darussalam pelbagai pihak sama ada pihak kerajaan atau swasta sentiasa mengadakan kempen penanaman pokok bagi sama-sama membantu menyokong dan mendukung sasaran Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam iaitu menanam 500,000 pohon pokok baru menjelang 2035.

Justeru, kempen sebegini bukan sahaja memberikan suasana persekitaran yang sejuk dan nyaman, malah ia berfungsi untuk menstabilkan suhu persekitaran. Penanaman pokok-pokok ini juga bertujuan untuk mengurangkan kesan pemanasan global melalui penyerapan karbon dioksida.

Dengan berbuat demikian, pemanasan global dapat dikawal dan akan dapat menstabilkan ekosistem persekitaran. Penjagaan sumber-sumber alam sekitar seperti pokok-pokok akan dapat membendung pelbagai masalah, sebagai contoh, hutan mengawal hakisan tanah dan banjir malah hutan juga menjadi salah satu sumber ekonomi negara kita.

### Biologi alam sekitar terjaga

Alam sekitar yang sentiasa terjaga oleh semua lapisan masyarakat akan dapat mengelakkan kepupusan haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Haiwan dan tumbuh-tumbuhan merupakan salah satu sumber makanan kepada manusia.

Pencemaran alam sekitar yang dilakukan akan menyebabkan kemusnahan habitat haiwan dan akan menyebabkan sumber pemakanan manusia akan berkurang, sebagai contoh, kehidupan laut seperti udang, ikan dan seumpamanya merupakan sumber makanan yang mengandungi protein yang dapat menstabilkan kesihatan manusia.

Sekiranya kita melakukan sebarang pencemaran laut seperti pembuangan sisa toksik ke dalam laut, kepupusan hidupan laut akan berlaku. Manakala tumbuh-tumbuhan pula menjadi sumber kepada perubatan

seperti herba untuk pesakit. Alam sekitar yang tidak tercemar membolehkan habitat hidupan darat dan air terpelihara.

Di samping itu, alam sekitar yang bersih akan dapat meningkatkan ekonomi negara. Sesbuah masyarakat yang menitikberatkan kebersihan dan nilai kedamaian akan dapat menarik perhatian pelancong asing. Kedatangan pelancong asing ke negara kita, akan dapat memajukan lagi pertumbuhan ekonomi negara kita.

Malah perlu diingat, kedatangan pelancong juga dapat memajukan sektor perkhidmatan dan sektor perniagaan serta menawarkan peluang pekerjaan kepada masyarakat. Dengan demikian, imej negara kita yang kaya dengan kehijauan alam semula jadi akan dapat dan terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Pemuliharaan alam sekitar perlu dijalankan bagi menjamin bakalan sumber makanan, sumber kesihatan untuk menghasilkan ubat-ubatan. Ia turut berperanan sebagai sumber kecantikan, keindahan dan kedamaian di samping udara yang bersih. Oleh yang demikian, semua lapisan masyarakat haruslah bekerjasama dan saling bantu-membantu dalam memelihara alam sekitar supaya kebersihan alam sekitar dapat ditingkatkan dalam kehidupan kita.





## PERKAB kekalkan tahap profesionalisme tinggi dan beretika

Oleh : Dk. Vivy Maessa Pg. Ibrahim

Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

**S**KOP permasalahan yang dihadapi oleh sebahagian lapisan masyarakat turut berkembang bersama dengan arus perubahan semasa, yang mana mereka ini menghadapi pelbagai bentuk perubahan cara hidup dan pelbagai cabaran. Sebahagiannya mungkin menimbulkan kesan negatif terhadap diri mereka seperti tekanan (stress), masalah peribadi dan sebagainya. Berdasarkan dengan ini, kaunselor memainkan peranan penting dalam membantu mensejahterakan masyarakat supaya mereka dapat berfungsi dengan berkesan. Para kaunselor juga perlu meningkatkan pengetahuan dan memiliki kecekapan yang tinggi dalam pelbagai bidang. Oleh itu, pendekatan atau model kesejahteraan insan dalam kaunseling dilihat sangat sesuai untuk memenuhi keperluan masyarakat yang memerlukan.

Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan khidmat kaunseling seawal-awalnya pada tahun 1987. Setelah lebih 30 tahun di negara ini, terdapat lebih 21 buah agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang menyediakan khidmat kaunseling di dalam organisasi masing-masing dengan anggaran lebih kurang 90 kaunselor iaitu terdapat seorang kaunselor bagi setiap 4,700 penduduk di negara ini bagi membantu menangani permasalahan yang ada di

negara ini.

Sehubungan ini, Persatuan Kaunseling Brunei Darussalam (PERKAB) sebagai sebuah persatuan profesional sentiasa berusaha dalam meningkatkan taraf, harga diri, integriti dan potensi ahli-ahli persatuan dengan memberikan khidmat bimbingan, penerusan pembelajaran dan program yang berkaitan. Ahli-ahli PERKAB juga perlu melengkapkan diri dengan perkembangan terkini dalam bidang penyelidikan, teknologi, strategi dan teknikal kaunseling.

### Persatuan Kaunseling Brunei Darussalam

PERKAB merupakan sebuah pertubuhan profesional bukan kerajaan yang mempunyai ahli yang berkhidmat dalam pelbagai latar belakang yang dihasratkan sebagai wadah untuk mengangkat martabat manusia dengan memberikan khidmat bimbingan, kaunseling, pengembangan insan dan program yang berkaitan.

Pelajar-pelajar Sijil dan Diploma Kaunseling, Universiti Brunei Darussalam bersama-sama dengan pegawai-pegawai daripada Unit Kaunseling Brunei Darussalam berserta Unit Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja, Kementerian Pendidikan telah menujuhkan persatuan ini secara rasminya pada tahun 1998. Sesuai dengan misinya, PERKAB akan berusaha seberapa daya

berbakti bagi meninggikan kualiti, taraf, harga diri, integriti dan potensi ahli-ahli dengan meningkatkan perkembangan profesional ahli-ahlinya melalui program penerusan pembelajaran, latihan dan penyelidikan; memberikan bantuan dalam sebarang usaha mengaplikasikan pengetahuan saintifik dalam bidang kaunseling ke arah mensejahterakan masyarakat; dan memanfaatkan prinsip kaunseling psikologi yang relevan bagi memenuhi kehendak dan keperluan pembangunan negara.

Untuk mencapai matlamat ini, Ahli-ahli PERKAB dari semasa ke semasa berusaha menyakinkan betapa mereka mempunyai peranan dan keupayaan untuk mencegah, mengembang, memulih dan melerai krisis yang dihadapi oleh klien, pasangan, keluarga dan kelompok dalam hidup masing-masing serta mengendalikan perundingan kepada mereka yang memerlukannya.

Ini satu tanggungjawab yang besar yang perlu dipulih oleh kaunselor. Atas sebab inilah juga setiap kaunselor perlu berpegang teguh pada nilai-nilai profesional bagi memastikan mereka sentiasa mengekalkan tahap profesionalisme yang tinggi dan memberikan komitmen yang beretika. Kecekapan dan tingkah laku serta keterampilan yang berasaskan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) dan Negara Zikir. Nilai yang dipegang dengan sendirinya akan memandu tingkah laku sekali gus membentuk keperibadian Ahli-ahli PERKAB sesuai dengan kedudukan

dan identiti sebagai seorang kaunselor.

### Retreat Kaunseling Brunei 2023

Pada 17 Jun 2023, PERKAB menganjurkan Retreat Kaunseling Brunei 2023 (Brunei Counselling Retreat) yang berlangsung di Dewan An-Najah, Institut Perkhidmatan Awam untuk menghimpunkan pengamal-pengamal kaunseling, tenaga pengajar kaunselor, para kaunselor, ahli psikologi, kerja sosial, khidmat nasihat, dan profesional kesihatan mental bagi berkongsi pengetahuan, kemahiran, dan pengalaman masing-masing dalam perkara yang berhubung kait dengan Program Akademik dalam bidang Kaunseling; Piawai Kelayakan Profesional; Program Perkembangan Profesional atau Penerusan Pembelajaran; dan Pengkhususan dalam bidang Kaunseling dan Program Perkembangan Kerjaya.

Para peserta retreat tersebut terdiri daripada pengamal-pengamal kaunseling daripada berbagai agensi kerajaan dan swasta termasuk institusi pendidikan, pengamal persendirian, dan pertubuhan kebajikan yang memberikan khidmat kaunseling atau khidmat lain yang berkait rapat dengan bidang kaunseling di Negara Brunei Darussalam dengan latar belakang berbeza, kaunseling di tempat kerja, sekolah dan kerjaya, pertahanan dan keselamatan, keluarga dan perkahwinan, kesihatan mental, kemasyarakatan, dan pemulihian.

# HARI TERBUKA L3C BERI PENDEDAHAN PELUANG PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT



KEMENTERIAN Pendidikan melalui Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C) julung kalinya mengadakan Majlis Perasmian bagi Hari Terbuka Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C) Tahun 2023 bertempat di Dewan Serbaguna, L3C yang diadakan selama tiga hari bermula hari ini sehingga 28 Julai 2023.

**LAMBAK KANAN**, Rabu, 26 Julai. - Kementerian Pendidikan melalui Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C) julung kalinya mengadakan Majlis Perasmian bagi Hari Terbuka Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C) Tahun 2023 bertempat di Dewan Serbaguna, L3C yang diadakan selama tiga hari bermula hari ini sehingga 28 Julai 2023.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Penolong Pengarah (Akademik), L3C, Kementerian Pendidikan, Walter Chong Meng Siong.

Beberapa taklimat yang disampaikan oleh pembekal-pembekal latihan juga telah disusun untuk para pengunjung sepanjang Hari Terbuka.

Semasa Hari Terbuka tersebut, para pengunjung akan berpeluang untuk berinteraksi secara langsung dengan lebih 20 peserta pameran yang terdiri daripada L3C; Sekretariat Tetap Manpower Planning and Employment Council (MPEC), Jabatan Perdana Menteri (JPM); dan pembekal-pembekal latihan berdaftar (*registered training providers*) daripada sektor awam dan swasta serta pelbagai vendor makanan yang terdiri daripada alumni program masakan dan kraftangan L3C juga terlibat sama.

Selain itu, pembayaran yuran pendaftaran untuk menyertai program-program peningkatan akademik, perkembangan komuniti dan perkembangan peribadi juga boleh dibuat semasa Hari Terbuka tersebut dari jam 9.00 pagi hingga

3.00 petang. Antara objektif utama Hari Terbuka tersebut adalah bagi memperluaskan dan mempelbagaikan peluang-peluang pembelajaran sepanjang hayat orang ramai, khususnya orang dewasa dan lepasan sekolah, selaras dengan peranan L3C.

Di samping itu, orang ramai juga berpeluang untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program-program pembelajaran sepanjang hayat yang ditawarkan di bawah kawalan L3C iaitu program-program perkembangan tenaga kerja, peningkatan akademik, perkembangan komuniti dan perkembangan peribadi.

Hari Terbuka tersebut akan berlangsung dari pukul 9.00 pagi hingga 4.30 petang (kecuali Jumaat dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.00 petang).

Bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lebih lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi

L3C melalui talian +673 2346201 (pada waktu bekerja) atau e-mel [enquiry.l3c@moe.gov.bn](mailto:enquiry.l3c@moe.gov.bn).



## PPNBD anjur Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan



KETUA Pesuruhjaya Pengakap, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali semasa sesi bergambar beramai.

**Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam**

**TUTONG**, Jumaat, 28 Julai. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah mengadakan Majlis Penyampaian Sijil-sijil Penghargaan kepada wakil-wakil peserta Persembahan

Kebudayaan sempena Sambutan Hari Raya PPNBD dan ASEAN Scout Association for Regional Cooperation (ASARC) Meeting 2023.

Majlis penyampaian tersebut berlangsung di Bilik Mesyuarat

Ar Rasyid, Bangunan AMAS Lamunin, Daerah Tutong.

Hadir bagi menyampaikan sijil-sijil kepada wakil-wakil berkenaan ialah Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali.

Majlis yang diadakan tersebut merupakan penghargaan kepada tujuh buah kumpulan badan

kebudayaan yang mengambil bahagian dalam semasa acara berkenaan pada bulan April 2023.

Antaranya, Badan Kebudayaan Pengakap-Wakil Puak Tutong; Badan Kebudayaan Kampung Lamunin-Wakil Puak Kedayan; Badan Kebudayaan Kampung Batang / Long Mayan-Wakil Puak Dusun.

Dusun; Badan Kebudayaan Kampung Ukong-Wakil Puak Dusun; Badan Kebudayaan Kampung Kiudang-Wakil Puak Dusun; Badan Kebudayaan Kampung Bukit Udal-Wakil Puak Dusun dan Badan Kebudayaan Kampung Batang Mitus-Wakil Puak Dusun.

# ZAHIR KESYUKURAN, KEGEMBIRAAN BERSUA MUKA BERSAMA RAJA TERCINTA

Oleh : Haniza Abdul Latif  
 Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad, Ak. Mohd. Aminol  
 Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**TEMBURONG**, Khamis, 27 Julai. - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli ke Daerah Temburong merupakan peluang keemasan yang sangat dinanti-nantikan oleh seluruh lapisan rakyat dan penduduk di daerah Permata Hijau ini bagi mereka menzahirkan rasa syukur dan kasih sayang yang amat mendalam serta kegembiraan terhadap seorang raja yang berjiwa rakyat, sangat prihatin dan sangat pemeliharaan.

Kegembiraan itu dikongsikan bersama oleh orang ramai yang ditemui bual oleh Pelita Brunei semasa Majlis Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong sempena Perayaan Ulang Tahun Keputeraan baginda Ke-77 bagi Tahun 2023 di Daerah Temburong.

Pelajar Tahun 7 dari Sekolah Menengah Sultan Hassan Temburong, Awang Md. Hashim Ikram Shah bin Md. Khairuddin Shah, ketika



PELAJAR Tahun 7 dari Sekolah Menengah Sultan Hassan Temburong, Awang Md. Hashim Ikram Shah bin Md. Khairuddin Shah dan rakannya, Awang Md Khairul Hafiy bin Md Haddi.

## Pengurniaan Bintang Kebesaran pencetus semangat

>> Muka 20

"Tunaikan tanggungjawab yang diamanahkan agar terlepas daripada pertanyaan nanti di hari kendila. Yang penting jangan lupa untuk berdoa memohon taufik dan inayah daripada Allah untuk mempermudahkan urusan kerja kita,"ujarnya lagi.

Pemuda berusia 23 tahun antara yang termuda menerima Bintang P.S.B, Awang Adi Salihin bin Roslan tidak menyangka jika pengurniaan bintang seperti lebih dari apa yang diimpikannya.

P.S.B yang diterima ini juga lebih membuatkan semangatnya begitu tinggi bagi meneruskan perjuangannya dalam mengharumkan nama negara

ditemui bual menjelaskan, ini merupakan kali kedua beliau menyertai Persembahan Khas dan pertama kali menyertainya semasa menuntut di Tahun 5.

Tambahnya lagi, beliau menyembahkan Persembahan Koir yang mana sesi latihan diadakan selama empat minggu dan sudah bersedia untuk menyembahkan persembahan yang terbaik bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta kerabat diraja yang lain.

Di kesempatan itu, Awang Md Hashim Ikram Shah juga ingin menyembahkan ucapan Selamat Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-77 ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan semoga baginda diberikan kesihatan yang berpanjangan, dilanjutkan usia dan kekal karar memerintah negara yang tercinta.

Sementara itu, Yang Di-Pertua Persatuan Lun Bawang Murut Brunei (PLBMB), Bina bin Barauk semasa ditemui mengongsikan, pada Majlis Keberangkatan Kebawah DYMM bercemar duli bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong tahun ini, PLBMB mempamerkan dua bahagian, iaitu yang pertama ialah tarian tradisi Puak Murut, dan Persembahan Gulintangan.

Manakala, bahagian kedua pula tambahnya, ialah pameran lebih 10 jenis makanan tradisi, dan jenis-jenis

beras dan padi yang merupakan hasil tanaman dari Puak Murut di Temburong.

Turut dipamerkan juga katanya, ialah peralatan tradisi termasuk alat-alat memburu, alat muzik dan kraf tangan Puak Murut.

Dalam pada itu, beliau juga turut menyembahkan ucapan Selamat Hari Keputeraan ke hadapan majlis baginda, Kebawah DYMM yang Ke-77 Tahun.

Sebagai rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam ujarnya, terutama Puak Murut juga berasakan pembangunan dan kemudahan yang ada pada masa ini, di bawah pemerintahan Kebawah DYMM yang memerintah negara ini dengan adil dan saksama.

Bagi Emzya Veroneca anak Emang dari Kampung Selapon Persembahan pula, tahun ini merupakan penyertaan kali pertama bagi Persembahan Khas, iaitu persembahan tarian Puak Iban, yang mana beberapa persembahan tarian lain yang disembahkan termasuk lima etnik, iaitu Melayu, Dusun, Murut, Iban dan Cina.

"Hamba Kebawah Duli Tuan Patik merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran, merafakkan sembah syukur atas keberangkatan Kebawah DYMM ke Daerah Temburong bersama kerabat diraja dan juga berdoa semoga baginda kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam yang aman dan damai.



EMYZA Veroneca anak Emang dari Kampung Selapon semasa ditemu bual.

"Saya ingin menyembahkan ucapan Selamat Ulang Tahun Hari Keputeraan ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan semoga baginda kekal karar memerintah

singgah sana, dan semoga baginda sentiasa sihat walafiat bersama ahli kerabat diraja yang lain serta semoga Negara Brunei Darussalam juga sentiasa maju jaya di bawah pemerintahan baginda," jelasnya lagi.



YANG Di-Pertua Persatuan Lun Bawang Murut Brunei (PLBMB), Bina bin Barauk semasa ditemu bual.

## MINDA PEMBACA

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Jadi Pengguna Media Sosial Bertanggungjawab'. Tarikh Tutup : 2 Ogos 2023
- 'Belia Aset Utama Negara'. Tarikh Tutup : 9 Ogos 2023
- 'Bersama Membangun Usahawan Tempatan'. Tarikh Tutup : 16 Ogos 2023

### TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Menangi

**BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# KRISIS KEBULURAN SUDAN SELATAN ANCAM NYAWA 3.1 JUTA KANAK-KANAK

JUBA (Sudan Selatan), 28 Julai. - Peningkatan ketidakjaminan makanan di Sudan Selatan memburukkan lagi ancaman kepada nyawa 3.1 juta kanak-kanak yang memerlukan perlindungan segera, kata pegawai.

Timbalan Setiausaha Kementerian Jantina, Kanak-kanak dan Kebajikan Masyarakat Sudan Selatan, Esther Ikere Ladu berkata kekurangan makanan telah mendorong kanak-kanak ke jalanan.

"Apa yang mendorong

kanak-kanak keluar ke jalanan adalah (kekurangan) makanan dan keganasan di rumah kerana anda mendapat semasa konflik (di Sudan Selatan), beberapa ibu menjadi baliu dan ada yang memutuskan untuk berkahwin, dan rumah mungkin tidak kondusif untuk kanak-kanak," Ladu dilaporkan sebagai berkata oleh Agensi Anadolu.

Pengamal perlindungan kanak-kanak dan keselamatan makanan di Sudan Selatan menggesa penderma, kerajaan dan komuniti kemanusiaan untuk

memastikan krisis keselamatan makanan tidak mengancam nyawa dan perlindungan kanak-kanak perempuan dan lelaki.

"Adalah penting untuk menekankan bahawa pelbagai krisis di Sudan Selatan adalah krisis perlindungan kanak-kanak. Konflik, ekonomi, perpindahan akibat iklim terutamanya ketidakjaminan makanan meningkatkan risiko dan kerentanan untuk keganasan berasaskan seksual dan jantina, perkahwinan kanak-kanak, penculikan dan isu kesihatan

mental," kata Timbalan Perwakilan, UNICEF Sudan Selatan, Obia Achieng.

Sementara itu, Setiausaha Pertama di Kedutaan Republik Persekutuan Jerman di Juba, Leon Kohl berkata dianggarkan 6.1 juta penduduk akan atau sedang menghadapi risiko perlindungan dan pencabulan pada 2023, dengan 3.1 juta kanak-kanak memerlukan segera perlindungan menyelamatkan nyawa dan mengekalkan nyawa.

Beliau mendedahkan 3.3 juta kanak-kanak tinggal dalam isi



rumah yang tidak mempunyai keupayaan konsisten untuk membeli makanan yang mencukupi.

"Perkhidmatan perlindungan kanak-kanak amat mengejutkan, 2.8 juta kanak-kanak tidak bersekolah, 46 peratus kanak-kanak terlibat dalam buruh kanak-kanak dan seorang daripada setiap dua kanak-kanak perempuan berkahwin sebelum umur 18 tahun," tambahnya. - ©BERNAMA

## Harga makanan, bayaran faedah lonjak kos sara hidup isi rumah New Zealand

WELLINGTON, 27 Julai. - Kos sara hidup New Zealand untuk isi rumah meningkat sebanyak 7.2 peratus dalam tempoh 12 bulan hingga Jun 2023, disumbang terutamanya oleh kenaikan harga makanan, lapor Xinhua memetik jabatan statistik Stats NZ pada Khamis.

Ini berikutnya peningkatan 7.7 peratus dalam tempoh 12 bulan hingga Mac 2023, kata pengurus harga pengguna Stats NZ James Mitchell.

Beliau berkata harga makanan meningkat sebanyak 12.7 peratus, sekali gus menjadi penyumbang utama kepada kos sara hidup yang lebih tinggi bagi kebanyakan kumpulan isi rumah.

"Harga yang lebih tinggi untuk bayaran faedah dan makanan runcit adalah penyumbang

terbesar kepada kenaikan 7.2 peratus.

"Ini sebahagiannya diimbangi oleh harga yang lebih rendah untuk bekalan dan perkhidmatan pengangkutan swasta seperti petrol dan diesel, terima kasih kepada subsidi kerajaan pada pengangkutan," katanya.

Kos sara hidup isi rumah dengan perbelanjaan tertinggi meningkat 7.8 peratus dalam tempoh 12 bulan hingga Jun 2023.

Penyumbang utama adalah bayaran faedah yang lebih tinggi dan isi rumah dengan perbelanjaan tertinggi berbelanja secara berkadar lebih banyak untuk pembayaran faedah berbanding kumpulan isi rumah lain, katanya.

Kos sara hidup isi rumah dengan perbelanjaan terendah ialah 6.9

peratus dalam tempoh 12 bulan hingga Jun 2023, menurut statistik itu.

Penyumbang utama kepada peningkatan ini ialah makanan runcit, sewa, buah-buahan dan sayur-sayuran serta bayaran faedah.

Ini sebahagiannya diimbangi oleh harga yang lebih rendah untuk bekalan dan perkhidmatan pengangkutan persendirian, kata Mitchell.

Setiap suku tahun, indeks harga kos sara hidup isi rumah menilai bagaimana inflasi mempengaruhi 13 kumpulan isi rumah yang berbeza dan purata isi rumah.

Indeks harga pengguna mengukur bagaimana inflasi mempengaruhi New Zealand secara keseluruhan. - ©BERNAMA

## 51 paus mati terdampar di Australia Barat

SYDNEY, 26 Julai. - Jabatan Biodiversiti, Pemuliharaan dan Daya Tarikan (DBCA) Australia Barat pada Rabu mengesahkan kematian 51 ikan paus yang terdampar di Pantai Cheynes di barat daya negeri itu, lapor Xinhua.

"Kakitangan Perkhidmatan Taman dan Hidupan Liar bekerjasama dengan sukarelawan berdaftar dan organisasi lain untuk cuba menyelamatkan baki 46 ikan paus

dengan membawanya ke perairan yang lebih dalam pada siang hari," menurut jabatan itu.

Jabatan itu juga menggesa orang ramai supaya menjauhi pantai untuk keselamatan mereka.

Cheynes Beach Caravan Park berkata DBCA telah menubuhkan pasukan pengurusan insiden.

"Kakitangan berpengalaman dari DBCA, termasuk doktor haiwan Zoo Perth dan pakar fauna marin, bersama peralatan khusus,

termasuk kapal dan anduh telah digerakkan," menurut hantaran terkini taman itu di media sosial.

Pada pagi Selasa, DBCA menerima laporan sekumpulan besar ikan paus bersirip panjang berkumpul kira-kira 150 meter dari Pantai Cheynes.

Berikutnya insiden itu, kerajaan mengeluarkan amaran kerana haiwan yang mati dan cedera mungkin menarik jerung menghampiri pantai. - ©BERNAMA

## Sweden catat kes kebankrapan tertinggi dalam sedekad

STOCKHOLM, 26 Julai. - Sebanyak 3,949 syarikat jatu muflis di Sweden dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, tertinggi dalam sedekad, lapor Xinhua memetik Televisyen Sweden (SVT) pada Selasa.

Lebih 28,000 hilang pekerjaan akibat kebankrapan dalam tempoh itu, kata SVT, memetik statistik terkini agensi rujukan perniagaan dan kredit UC.

UC berkata hotel dan restoran merupakan sektor yang paling terjejas, terutama pada Mei dan Jun apabila jumlah kebankrapan adalah 90 peratus lebih tinggi berbanding bulan yang sama pada 2022.

Ahli ekonomi UC, Johanna

Blome, berkata memandangkan industri perhotelan dan restoran adalah industri intensif buruh, ini menyebabkan lebih banyak kebankrapan, pengangguran meningkat dan penggunaan berkurangan.

Walaupun industri perhotelan paling teruk terjejas, jumlah kebankrapan juga meningkat membabitkan semua industri utama.

Di Stockholm, jumlah kebankrapan meningkat 23 peratus berbanding enam bulan pertama 2022. Blome berkata sebab utama di sebalik peningkatan kebankrapan ialah peningkatan kos akibat inflasi.

Menurut angka terkini yang dikeluarkan oleh Statistics Sweden pada 14 Julai, inflasi berada pada 9.3 peratus tahun ke tahun pada bulan Jun.

Sementara itu, penasihat perniagaan di wilayah Ostergotland, Ingela Gullstrand, memberitahu SVT bahawa perniagaan terpaksa berhadapan dengan kos lain selain inflasi yang tidak mereka hadapi tahun lepas.

"Banyak syarikat menerima penangguhan cukai semasa pandemik (COVID-19) dan cukai tersebut kini mesti dibayar, jadi ia adalah sejenis kesan tertunda daripada pandemik," kata Gullstrand. - ©BERNAMA

## Arab Saudi tubuh syarikat pelaburan baharu bagi tingkatkan pelancongan

RIYADH, 28 Julai. - Dana Pelaburan Awam Saudi (PIF) pada Khamis mengumumkan penubuhan Syarikat Pelaburan Pelancongan Saudi, atau Asfar, bagi menyokong pertumbuhan sektor pelancongan negara.

Asfar akan melabur dalam projek pelancongan baharu dan membangunkan destinasi menarik di seluruh Arab Saudi, selain melabur dalam rantaian pelancongan tempatan, Xinhua memetik laporan Agensi Akhbar Saudi.

Inisiatif penubuhan itu adalah sebahagian daripada usaha negara untuk mencapai sasaran menarik 100 juta pengunjung setiap tahun menjelang 2030.

Mishary Alibraheem, ketua sektor hiburan, riadah dan sukan bagi Pelaburan MENA di PIF, berkata Asfar akan mengaktifkan peranan bandar-bandar Saudi dalam menyokong ekonomi negara.

PIF ialah dana kekayaan Arab Saudi. Ia adalah antara dana kekayaan negara terbesar di dunia dengan jumlah aset dianggar bernilai US\$700 bilion. - ©BERNAMA

## Suhu tinggi diramal di seluruh Jepun

TOKYO, 27 Julai. - Suhu tinggi diramal di seluruh Jepun pada Khamis, dengan amaran strok haba dikeluarkan untuk kesemuanya sebahagian daripada 35 wilayah, daripada keseluruhan 47 wilayah, menurut Agensi Meteorologi Jepun (JMA), lapor Xinhua.

Agensi cuaca berkata sistem tekanan tinggi yang dominan memacu suhu dari barat ke utara Jepun dan suhu dijangka meningkat lebih tinggi pada sebelah petang.

Bandar Koshigaya di wilayah Saitama mencatatkan suhu 37.5 darjah Celsius sebelum tengah hari, manakala pusat Tokyo mencatatkan 35.6 darjah Celsius.

Suhu tertinggi pada 39 darjah Celcius diramalkan di Kyoto pada waktu siang dan 38 darjah Celcius di bandar lain seperti Osaka, Nagoya dan Saitama.

Pegawai cuaca memberi amaran bahawa panas terik dijangka berterusan hingga minggu depan. - ©BERNAMA

## Botswana sumbang 8,000 gajah kepada Angola

GABORONE, 26 Julai. - Botswana yang menjadi habitat kepada hampir separuh daripada gajah liar Afrika menawarkan 8,000 mamalia itu kepada Angola, kata seorang pegawai pada Selasa.

Menteri Luar Botswana Lemogang Kwape berkata sumbangan itu membantu Angola memulihkan sektor pelancongannya.

Beliau berkata sebelum ini kawanan gajah yang besar yang kini berada di Botswana, menyeberang dari Angola untuk mencari tempat perlindungan ketika perang saudara di sana.

"Dan sekarang, kami bersetuju untuk membantu mereka memindahkan beberapa ekor gajah di sana," katanya.

Botswana menjadi habitat kepada lebih 130,000 gajah, populasi terbesar di dunia.

Seorang pelindung haiwan di Elephants Without Borders, Mike Chase, berkata bahagian tenggara Angola sesuai untuk pemindahan dan menjadikan semula gajah memandangkan tidak banyak haiwan berkenaan di sana.

Untuk tujuan itu, Angola bersetuju membersihkan perluak api tinggalan perang dan bersama-sama Botswana akan mengalihkan pagar yang menghalang penghijrahan gajah. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



**ATLET Wushu negara, iaitu Awang Md. Adi Salihin bin Roslan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Julai. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyembahyang setinggi

## PENGURNIAAN BINTANG SUMBER INSPIRASI PENGGIAT SUKAN NEGARA

menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Keempat (P.S.B.) kepada salah seorang atlet Wushu negara, iaitu Awang Md. Adi Salihin bin Roslan semasa Majlis Istiadat Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77, Tahun 2023.

Pengurniaan bintang kebesaran kepada Awang Md. Adi Salihin adalah atas pencapaian dan kejayaan beliau dalam

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

mengharumkan nama negara dengan meraih tiga pingat emas bagi sukan Wushu di edisi Sukan Asia Tenggara secara berturut-turut iaitu pada tahun 2019 di Filipina, tahun 2022 di Viet Nam dan kali terakhir adalah pada tahun 2023 semasa Sukan Asia Tenggara Ke-32, Kemboja.

Kejayaan Awang Md. Adi Salihin ini telah memperlihatkan keupayaan anak Brunei dalam memberikan saingan apatah lagi sukan yang disertai ini bukanlah sukan yang lazim disertai atau diikuti oleh orang jurulatih.

Ini juga telah menunjukkan tahap keyakinan anak muda Brunei yang cekal

dan beliau menjadi sumber inspirasi kepada penggiat-penggiat sukan yang lainnya bahawa kemenangan pada kejohanan-kejohanan berprestij seperti Sukan Asia Tenggara adalah tidak mustahil dengan disiplin serta latihan yang konsisten.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengucapkan setinggi tahniah kepada Awang Md. Adi Salihin dan berharap kejayaan ini akan menjadi penyuntik semangat kepada masyarakat secara amnya dan kepada atlet-atlet khususnya untuk terus menunjukkan dan meningkatkan prestasi yang terbaik dalam apa jua bidang sukan yang diceburi.

## Kontinjen Sekolah Sukan selamat kembali ke tanah air

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 27 Julai. - Kontinjen Kementerian Pendidikan melalui Sekolah Sukan yang terdiri daripada pasukan Pencak Silat dan pasukan Karate selamat kembali ke Negara Brunei Darussalam selepas menyertai Thailand Sports School Games Ke-24, Lamphang Province Thailand 2023 yang bermula pada 19 hingga 26 Julai di Thailand.

Kontinjen NBD diwakili oleh tujuh pelajar

dari Sekolah Sukan yang diketuai oleh Guru Kanan Sukan, Sekolah Sukan, Awang Mohammad Helme bin Panjang, selaku Chef De Mission.

Turut menyertai ialah seorang pegawai pendamping dan perubatan serta dua orang jurulatih.

Pada acara berkenaan, kontinjen Sekolah Sukan berjaya merangkul lima pingat perak dan tiga pingat gangsa.

Pingat perak diperoleh daripada sukan

Pencak Silat melalui Dayang Fatin Hazirah binti Muhibi bagi acara Tanding Kategori 'A' Wanita; Dayang Nur Fatin Marzuqah binti Abdullah Asrizal bagi acara Tanding Kategori 'C' Wanita; Awang Muhd Azinuddin bin Mohd Azree bagi acara Tanding Kategori 'B' Lelaki; Awang Muhd Firdaus bin Muhibi bagi acara Tanding Kategori 'C' Lelaki; dan sukan Karate bagi acara Kumite Bawah 16 Tahun (Kategori - 52 kilogram) melalui Awang Muhd Haneef bin Metassan.

Manakala tiga pingat gangsa pula

berjaya diraih daripada sukan Karate melalui Awang Mohd Zul Fahmi bin Roslan bagi acara Kumite Bawah 16 Tahun (Kategori-57kg); dan dua pingat melalui Awangku Mohd Khalil bin Pengiran Kamarul Zaman bagi acara Kumite Bawah 16 Tahun (Kategori +68kg); dan Team Kumite Bawah 16 Tahun.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei mengalu-alukan kepulangan kontinjen NBD ialah para pegawai kanan dari Jabatan Sekolah-sekolah dan Pengetua Sekolah Sukan.



**KONTINJEN** Kementerian Pendidikan melalui Sekolah Sukan selamat kembali ke Negara Brunei Darussalam selepas menyertai Thailand Sports School Games Ke-24, Lamphang Province Thailand 2023 yang bermula pada 19 hingga 26 Julai di Thailand.

### Tahukah Awda

**U**NIT Perkhidmatan Makmal Veterinar (UPMV) merupakan satu-satunya Makmal Veterinar Kebangsaan yang berperanan untuk mendukung dalam peningkatan keluaran industri ternakan dan ke arah pengiktirafan jabatan sebagai Competent Veterinary Authority (CVA). Makmal ini ditubuhkan pada 1978, di bawah seliaan Klinik Haiwan, Jalan Kumbang Pasang dan kemudiannya berpindah ke bangunan di Jalan Berakas dikenali sebagai Makmal Kaji Penyakit Haiwan. Pada 1988, dengan penambahan skop pemeriksaan dan keadaan makmal yang semakin sempit, makmal telah berpindah ke Pusat Penyelidikan Pertanian, Kilanas dan diubah namanya menjadi Makmal Diagnostik. Pada tahun 1997 nama Makmal Diagnostik ditukar ke UPMV hingga kini.

**SUMBER :** Pelita Brunei, Sabtu, Mac 2022.

**BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)**

**MANTAPKAN DIRI DENGAN IMAN DAN TAKWA**